


**Nelayan dan tambakan**

MS 23



PERCUMA

APRIL 1-15, 2019

BULETIN MUTIARA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Selamatkan Ulu Muda wartakan sebagai Taman Negeri



PEMANDANGAN Sungai Muda yang didakwa semakin cetek dan keruh ekoran aktiviti pembalakan.

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**MUNGKIN** ada antara kita tidak mengetahui Hutan Simpan Ulu Muda (HSUM) yang terletak di utara Semenanjung tanah air dan juga kepentingannya sebagai kawasan tadahan air terbesar bagi mengisi tiga empangan buatan manusia iaitu Empangan Ahning, Empangan Muda dan Empangan Pedu.

Meliputi 163,103 hektar hutan hujan, HSUM seharusnya dilindungi ekoran fungsi penting kawasan berkaitan yang menyalurkan 80 peratus bekalan air ke Pulau Pinang, Kedah (96 peratus) dan Perlis (70 peratus), malah ia juga membentuk punca air kepada lebih 4.09 juta penduduk serta beribu-ribu perniagaan di kawasan utara Semenanjung Malaysia.



PROF. Dr. Chan Ngai Weng.

Pada masa sama, ia juga merupakan sumber air untuk 'periuk nasi' negara apabila Kedah yang terkenal dengan jolokan negeri jelapang padi menerima bekalan air daripada punca hutan simpan berkenaan. Umumnya, bekalan air dari Ulu Muda membolehkan sawah padi di Kedah dan selatan Perlis mengamalkan penanaman dua kali setahun yang menyumbang kepada kira-kira 45 hingga 50 peratus daripada pengeluaran beras negara.

Ini bermakna, HSUM bukan sahaja merupakan hutan tadahan air yang berkepentingan untuk negeri di wilayah utara, bahkan juga terhadap bekalan beras negara.

Namun kini, ia mengalami ancaman! Kepentingan Ulu Muda sebagai kawasan tadahan air terus diabaikan apabila pembalakan rakus telah mengancam fungsi sokongan hayatnya yang berperanan utama sebagai penyerap karbon bagi menangani perubahan iklim dan juga sumber air.

Menyedari keadaan tersebut, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), *Water Watch Penang* (WWP) yang ditaja oleh Yayasan Hasanah telah bekerjasama dengan *Management & Ecology of Malaysian Elephants* (MEME) mengadakan lawatan advokasi bersama-sama wakil media tempatan ke kawasan berkenaan pada 15 hingga 17 Mac lalu.

Menurut Presiden WWP, Prof. Dr. Chan Ngai Weng, aktiviti-aktiviti berisiko tinggi seperti pembalakan bukan satu amalan mampan kerana ia memberi kesan dan mengancam kawasan tadahan serta menjerumus kepada kemusnahan ekosistem serta kepelbagaian biodiversiti di Ulu Muda.

"Dalam tempoh jangka masa panjang, ia tidak baik untuk semua pihak, tidak baik untuk Pulau Pinang, Perlis mahupun Kedah sendiri kerana pembalakan ini telah berlaku selama bertahun-tahun, dan ia menjadi semakin berleluasa hingga menimbulkan kebimbangan serta kacau ganggu terhadap sumber air sedia ada.

"Kita (Pulau Pinang) tidak benar-benar menentang pembalakan, tetapi apa yang kami cuba menentang selama ini adalah pembalakan hingga mengancam kawasan tadahan. Jika mereka melakukannya jauh dari kawasan tadahan, itu tiada masalah kerana pembalakan tidak dirancang akan menimbulkan masalah dan memusnahkan kekayaan di Ulu Muda ini.

"Secara munasabahnya, kita faham, negeri Kedah bergantung kepada sumber asli seperti hutan, tapi Kedah seharusnya juga mencari sumber pendapatan yang lebih mampan," ujarnya yang mempunyai pengkhususan di dalam bidang Hidroklimatologi, Sumber Air dan Pengurusan Bahaya Alam Sekitar dari Universiti Malaya dan Universiti Middlesex, London.

Walaupun Kedah telah membatalkan permit pembalakan di hutan berkenaan, ekosistemnya masih rapuh dan mudah diakses melalui jalan pembalakan.



ANTARA fauna yang kelihatan.

Justeru seperti WWF-Malaysia dan beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) lain, Ngai Weng menyeru Kerajaan Negeri Kedah untuk mewartakan HSUM sebagai Taman Negeri yang harus dipelihara serta dijaga sebaik-baiknya.

*(Sambungan di muka 15.)*

# IKEA Batu Kawan gamit keghairahan peminat perabot kelengkapan rumah

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**BUKIT TAMBUN -** Sejak 14 Mac 2019, IKEA Batu Kawan dibuka di Bandar Cassia, menyaksikan ribuan pengunjung masih tidak putus-putus ke sini walaupun pada hari bekerja.

Masing-masing seakan-akan tidak mahu melepaskan peluang melihat sendiri reka bentuk moden pelbagai perabot buatan negara maju Sweden, di gedung kelengkapan rumah di sini.

Di atas luas lantai 470,146 kaki persegi, terdapat 49 bilik pameran, meliputi ruang dapur, ruang tamu, bilik tidur dan tandas.

Kira-kira 8,000 produk kelengkapan rumah dipamerkan, untuk jalan-jalan serta membeli-belah dalam tempoh seharian memang tidak cukup.

Mereka yang pernah ke sini, mesti akan berkunjung lagi, kerana keghairahan terhadap pelbagai aksesori dengan sebut harga yang berpatutan, semuanya.



MARZUKI Mastar.

**MARZUKI MASTAR**, 74, dari Bayan Lepas bersama-sama isteri tidak melepaskan peluang untuk meninjau kelengkapan rumah.

"Hujung minggu sesak sangat dengan pengunjung, jadi saya dan isteri pilih untuk datang pada hari ini (Isnin).

"IKEA di Kuala Lumpur pun saya pernah pergi, tapi, dengan adanya IKEA di Pulau Pinang, saya sekeluarga boleh terus ke Batu Kawan sahaja.

"Bagi saya, dengan adanya IKEA di Bandar Cassia ini, akan bawa limpahan kemewahan ekonomi dan pelaburan di Pulau Pinang," katanya ketika ditemubual wartawan Buletin Mutiara pada 18 Mac lalu.

Difahamkan, pembangunan IKEA Batu Kawan telah mewujudkan nilai pelaburan kira-kira RM650 juta, sekaligus akan menggalakkan lebih banyak pelabur ke bandar satelit Batu Kawan.

Dua pengunjung dari Kedah, **NOR ADRIANA AIDA CHE LAH**, 20, dan **NURUL IZZATI NIZAN**, 21, masing-masing turut mengaku begitu ghairah untuk melihat kelengkapan rumah di IKEA Batu Kawan.

"Disebabkan hari ini (18 Mac 2019) cuti, kami guna peluang berkunjung ke IKEA... memang sangat teruja, tak sabar nak tengok kelengkapan rumah di sini.

"Kami datang tinjau dahulu, lepas ini baru nak mula membeli-belah kelengkapan rumah yang berkenan di hati," jelas Nor Adriana Aida.

Dalam pada itu, Nurul Izzati pula mengaku bahawa kebanyakan barang kelengkapan rumah yang dipamerkan di sini sangat unik, mempunyai reka bentuk tersendiri dan cantik.

"Sekarang tengah sesak beratur, memang nak makan dulu, kemudian sambung membeli-belah lagi," selorohnya dalam nada gembira.

Selain membeli-belah kelengkapan rumah, pengunjung ke sini turut berpeluang membeli pelbagai makanan menarik, antaranya, bebola daging yang sangat terkenal serta enak.

Restoran di IKEA Batu Kawan sangat luas, serta dihiasi dengan pelbagai perabot dapur yang unik serta cantik, pada satu-satu masa boleh menampung kira-kira 756 pelanggan sememangnya menjanjikan kepuasan walaupun terpaksa beratur panjang di sini.



LAU Yong Keong.

Bagi **LAU YONG KEONG**, 43, dari Alma begitu teruja berkunjung ke IKEA Batu Kawan kerana kebanyakan perabot kelengkapan rumah di sini ditawarkan pada harga yang sangat berpatutan.

"Barang-barang di sini nampak murah juga, nampak unik berbanding di kedai perabot lain.

"Ini, kali pertama saya melihat gedung IKEA sebesar ini, saya sekeluarga sangat teruja untuk membeli-belah," ujarnya.

Bagi **RODZIAH ABUL KASSIM**, 55, dan **CHE FARAH CHE ROSLAN**, 35, kedua-dua rakyat Pulau Pinang berkenaan mengaku mereka memang adalah pengunjung tegar ke IKEA Kuala Lumpur, sebelum gedung kelengkapan rumah terbesar di utara Semenanjung Malaysia dibuka dekat Batu Kawan.

"Kami memang suka barang-barang IKEA, saya merupakan pembeli IKEA sejak bertahun-tahun lalu.

"Selepas ini tidak perlu lagi bimbang kerana di Pulau Pinang pun telah dibuka IKEA untuk penduduk tempatan.

"Pertama, saya pilih untuk datang hari ini (18 Mac 2019) kerana IKEA pada hari pembukaan dan hari cuti sangat sesak.

"Saya datang ke IKEA Batu Kawan kerana nak beli barang berkualiti dengan harga yang sesuai.

"Sebelum ini, saya telah membeli dua kerusi sofa dari IKEA, boleh guna hampir 10 tahun, membeli barang IKEA sangat berbaloi," kata Rodziah.



RODZIAH Abul Kassim (kanan) dan Che Farah Che Roslan.

**K. RAMA**, 73, dari Air Itam mengaku beliau bukan seorang yang gemar bersesak ke pasar raya.



K. Rama.

Namun, apabila melihat iklan pembukaan IKEA Batu Kawan, timbul perasaan teruja untuk melihat sendiri perabot-perabot unik yang diinspirasikan dari negara Sweden untuk dimiliki oleh rakyat di tanah air ini.

"Saya sangat jarang pergi ke pasar raya, kecuali jika perlu.

"Jadi, kerana mereka (IKEA Batu Kawan) membuka gedung baru di sini, saya ingin merasakan apa yang berlaku.

"Saya telah melihat iklan pembukaan IKEA di dalam kertas, mereka mempromosikan dengan baik, jadi saya sekeluarga datang untuk melihat perabot dan produk yang dipamerkan di sini.

"Kita boleh membeli barang-barang yang sepatutnya boleh muat dalam rumah kita, jika tidak, akan merosakkan dekorasi rumah kita sahaja.

"Harga perabot di sini memang mampu milik, sesuai dengan selera dan citarasa para pengunjung yang berbeza-beza, tapi paling penting adalah semua barang-barang di sini diakui berkualiti serta berbaloi dengan harga," ujarnya sambil tidak menafikan bahawa beliau akan mengadakan lawatan kedua kerana seharian adalah tidak cukup untuk melihat satu-persatu aksesori kelengkapan rumah di gedung tersebut.

Sejak hari pembukaan, IKEA Batu Kawan dilengkapi 1,955 tempat parkir kenderaan, selain kemudahan bas ulang-alik percuma antara *Design Village* yang disediakan dari jam 11 pagi hingga 9 malam setiap hari.



NOR Adriana Aida Che Lah (kiri) dan Nurul Izzati Nizan.




Oleh: **ME**

# JK2PP rapatkan pembangunan sosioekonomi Seberang Perai dan pulau

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**GEORGE TOWN –** Peranan Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah atau lebih dikenali umum dengan Jambatan Kedua Pulau Pinang (JK2PP) dalam merapatkan lagi pembangunan sosioekonomi di bahagian selatan Negeri dan Seberang Perai adalah tidak dapat dinafikan.

Malah, ia turut memberi impak besar dalam proses pembangunan ekonomi negeri.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, sebagai salah satu 'penghubung' antara bahagian pulau dan Seberang Perai, JK2PP turut berperanan dalam merancakkan ekonomi negeri terutamanya di kawasan Batu Kawan (di sebelah Seberang Perai) dan Batu Maung (di bahagian pulau).

"Sebelum adanya JK2PP, rakyat terpaksa bergantung terhadap rangkaian jalan raya tempatan dan setelah pembukaan jambatan itu, kita dapat lihat sendiri, tanah-tanah di bahagian selatan Pulau Pinang dibangunkan.

"Situasi ini termasuk pembukaan kilang-kilang berjenama antarabangsa dan pembangunan komersial bercampur yang menyokong pertumbuhan pesat pusat bandar baharu (di Batu Kawan).

"Selain itu, pembukaan gedung membeli-belah IKEA baru-baru ini juga membuktikan keyakinan para pelabur untuk terus melabur di kawasan tersebut.



**SUASANA Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah pada waktu malam.**

"(Dan) ini akan menjadikan Seberang Perai Selatan sebagai zon pembangunan baharu yang berpotensi untuk maju dan berdaya saing," ujarnya pada sesi wawancara khas berhubung ulang tahun keempat JK2PP di sini baru-baru ini.

Meskipun antara tujuan pembinaan JK2PP adalah untuk mengurangkan kesesakan trafik di Jambatan Pulau Pinang (pertama), namun, menurut Kon Yeow ia masih belum mencapai kapasiti diharapkan.

"Mungkin masih terlalu awal kerana kini Batu Kawan terus berkembang pesat dengan pembangunan kediaman yang diusahakan sama ada oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) mahupun syarikat-syarikat (pemaju) swasta.

"Selain itu, Kerajaan Negeri juga turut menerima permohonan untuk membangunkan sebuah hospital pakar di Batu Kawan.

"Dua universiti luar negara juga sedang giat membangunkan cawangan mereka, juga di Batu Kawan…dan ini menunjukkan bahawa peranan JK2PP tidak dapat dinafikan.

"Saya juga pernah berkata bahawa masa hadapan Pulau Pinang adalah di Seberang Perai, dan saya yakin ia (JK2PP) akan terus menjadi pemangkin pembangunan negeri," katanya yang turut menzahirkan ucapan penghargaan atas inisiatif Kerajaan Persekutuan membangunkan JK2PP.

Jambatan sepanjang 24 kilometer (km) itu diilhamkan oleh Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad sewaktu beliau menerajui tampuk pentadbiran sebagai Perdana Menteri Keempat Malaysia.

Dirasmikan oleh mantan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd. Najib Tun Abdul Razak pada 1 Mac 2014, jambatan tersebut turut menyediakan akses logistik dan pengangkutan yang lebih baik.

Selain menghubungkan jaringan Lebuhraya Utara Selatan, ia juga menjadi 'penghubung' untuk ke Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA).

## Jimat air serta-merta!

**AIR ITAM –** Empangan Air Itam kini mempunyai simpanan air mentah yang hanya mampu bertahan selama 48 hari sekiranya cuaca panas berterusan dan Pulau Pinang tidak menerima hujan dalam tempoh terdekat.

Perkara itu dinyatakan Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Chow Kon Yeow yang juga Pengerusi Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) sejurus mengadakan lawatan ke Empangan Air Itam di sini 24 Mac lalu.



**RAKAMAN udara Empangan Air Itam yang menunjukkan kapasiti efektif sehingga 22 Mac 2019 adalah 49.1 peratus.**

"Kapasiti efektif bagi Empangan Air Itam sehingga 22 Mac 2019 adalah 49.1 peratus berbanding 92.2 peratus pada Januari 2019, dan hari ini (24 Mac) bacaan adalah pada kadar 50.3 peratus rentetan hujan turun sebentar pada sebelah malam sehari sebelum itu.

"(Dan) jumlah itu masih kurang jika dibandingkan ketika fenomena *Super El Nino* pada 2016, yang mana bacaan kapasiti efektif bagi tempoh sama (bagi tahun 2016) adalah 70.4 peratus (cukup bekalan sehingga 69 hari) walaupun jumlah hujan kurang.

"Hal ini menunjukkan, pada ketika ini, cuaca panas dan kering lebih buruk berbanding tiga tahun lalu dan kita (Kerajaan Negeri dan PBAPP) menyeru supaya rakyat dapat mengurangkan penggunaan air serta-merta kerana sekiranya tidak hujan, empangan akan kehabisan bekalan air pada akhir Mei ini," serunya kepada pemberita.

Menurut Kon Yeow, PBAPP kini menjalankan tugas pada tahap amaran tinggi bagi memastikan bekalan air mencukupi.

"Data menunjukkan penyebab utama pengurangan rizab simpanan air mentah di Empangan Air Itam tahun ini adalah kerana cuaca kering dan panas melampau, atau dalam erti kata lain, kadar hujan adalah sangat rendah.

"Selain itu, penggunaan air yang tinggi di kawasan Air Itam, Paya Terubong dan kawasan di sekitarnya sejak 1 Januari lalu turut menjadi faktor penyumbang.

"Walau bagaimanapun, bekalan air bagi kawasan lain di Pulau Pinang masih berada pada tahap normal dan memuaskan," katanya yang turut diiringi Ahli Parlimen Bukit Bendera, Wong Hon Wai.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Dato' Ir. Jaseni Maidinsa yang turut serta dalam lawatan tersebut berkata, paras air di Sungai Muda kini berada pada tahap berjaga-jaga iaitu 1.82 meter.

"PBAPP mengabstrak air 1,000 mililiter sehari (MLD) dari Sungai Muda bagi memenuhi lebih 80 peratus permintaan air di Pulau Pinang setiap hari.

"(Dan) kini paras Sungai Muda turun di bawah paras amaran PBAPP, iaitu dua meter selama 42 hari berturut-turut meskipun dua empangan iaitu Beris dan (Empangan Muda) melepaskan air ke Sungai Muda.

"PBAPP tetap bimbang dengan paras rendah Sungai Muda kerana kita mengabstrak air setiap hari di hilir 14 loji rawatan air di Kedah dan empat muka sauk pengairan," katanya.

Difahamkan, kapasiti efektif di Teluk Bahang dicatatkan pada paras 71.1 peratus dan Empangan Mengkuang, 47 peratus.

## Pembaikan, penstabilan cerun Empangan Air Itam jangka siap Julai – Jaseni

Gambar : **PBAPP**

**AIR ITAM -** Kerja-kerja pembaikan dan penstabilan cerun kini sedang giat dilakukan di bahagian tepi kiri Empangan Air Itam dan dijangka siap menjelang Julai 2019.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Dato' Ir. Jaseni Maidinsa berkata, bahagian kiri empangan berkaitan terhakis selepas 57 tahun penggunaannya.

"PBAPP telah memulakan kerja-kerja kecemasan pembaikan dan penstabilan bagi memastikan keselamatan perimeter jalan serta integriti struktur empangan.

"Sejumlah RM1.6 juta telah diluluskan bagi melaksanakan kerja-kerja ini, dan pembaikan dijadualkan siap pada Julai 2019, iaitu 36 peratus lebih awal daripada jadual asal memandangkan kini kemajuan kerja adalah pada tahap 54 peratus," ujarnya pada sidang media selepas sesi lawatan ke empangan tersebut di sini 24 Mac lalu.

Beliau yang mengiringi Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Chow Kon Yeow dan Ahli Parlimen Bukit Bendera, Wong Hon Wai dalam lawatan tersebut turut memaklumkan bahawa pihaknya telah melantik seorang kontraktor pakar geoteknikal untuk membaiki dan menstabilkan bahagian yang rosak terutama ketika paras air empangan tinggi.

"Ketika ini, paras air empangan rendah, jadi kerja-kerja boleh dilaksanakan dengan cepat.

"Pihak PBAPP juga sedar bahawa kawasan empangan ini adalah lokasi rekreasi hijau yang popular, jadi kami ingin memohon maaf atas sebarang kesulitan ketika kerja-kerja sedang dijalankan.

"Kerja-kerja pembaikan ini juga penting demi manfaat jangka masa panjang pengguna air terutama di Air Itam, Paya Terubong dan sekitarnya," jelasnya.

Difahamkan kerja-kerja pembaikan dan penstabilan adalah termasuk penggalian dan penimbusan bahagian rosak, memampat serta membalut bahagian terjejas dengan geotekstil berkekuatan tinggi, meletakkan tilam batu setebal 230 milimeter (mm) yang terikat pada paku tanah, penambat tali dawai, membina *'gabion'* serta membina longkang konkrit gaya *'cascade'* bagi membolehkan penyaluran air secara berkesan di bawah tanah ke dalam empangan.



**KERJA-kerja baik pulih dan penstabilan cerun yang sedang giat dijalankan di Empangan Air Itam.**

# Usahawan ladang buah tin, bakal kembangkan lagi industri menerusi TUT

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**MACHANG BUBUK -** Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin menyerahkan pinjaman mikro kredit tanpa riba kepada sembilan lagi penerima Tabung Usahawan Tani (TUT).

Ketika berucap, beliau memuji inisiatif usahawan muda industri ladang buah tin, **MUHAMAD HAFIZAN ABDUL RASHID**, 32, kerana berjaya melangsaikan pinjaman kali pertama berjumlah RM6,000, dan kini diberi pinjaman kali kedua sejumlah RM10,000.

"Kerajaan Negeri bersedia membantu melalui skim pinjaman mikro kredit TUT ini.

"Dan, daripada skim ini, kita mengharapkan mereka dapat mengembangkan industri mereka supaya dapat menambahkan lagi pendapatan masing-masing," ujarnya dalam Majlis Penyampaian Skim Mikro Kredit TUT dekat Kampung Baru Alma di sini pada 19 Mac lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tengah, Gooi Hsiao-Leung dan Pengarah Jabatan Pertanian Negeri, Mohd. Muhaimin Ibrahim.

Menurut Afif, sehingga tarikh 19 Mac lalu, seramai 131 penerima yang terdiri daripada pelbagai kategori pertanian, penternakan dan perikanan telah menerima manfaat TUT.

Mengikut komposisi kaum, katanya, 124 penerima adalah Melayu, diikuti Cina (5) dan dan India (2).

"Hari ini, sembilan usahawan tani akan menerima bantuan daripada program ini.

"Setakat ini, Kerajaan Negeri telah menyalurkan RM713,000 kepada usahawan-usahawan yang layak dan masih berbaki RM37,000.00 daripada jumlah keseluruhan peruntukan RM750,000.00," jelasnya yang juga ADUN Seberang Jaya.



RUPA bentuk buah tin yang masih muda.



MUHAMAD Hafizan Abdul Rashid (kiri sekali) memberi penjelasan kepada Dr. Afif Bahardin (tengah) pada lawatan khas beliau ke ladang buah tin usahawan berkaitan di sini baru-baru ini.

Sementara itu, Muhamad Hafizan yang ditemui kemudian menyatakan bahawa ladang seluas 4,500 kaki persegi di sini diusahakan sejak dua tahun lepas, dan pinjaman mikro kredit TUT kali pertama banyak membantu beliau mengembangkan industri menanam pokok tin serta beberapa anak pokok baka khas lain, untuk tujuan komersial.

"Di ladang ini, selain menuai buah tin, kita juga ada buat proses untuk beberapa anak pokok lain, untuk tujuan komersial juga.

"Macam pokok tin ini, ada pelbagai jenis, antara yang ada di ladang kami adalah jenis Iraqi.

"Di sini, buah tin dijual segar-segar dalam 15 biji bagi tiap-tiap bungkus, dan dijual RM30 sahaja.

"Anak-anak pokok pun ada dijual mengikut saiz, harga antara RM70 hingga RM120.

"Buat masa ini, pelanggan kita adalah setempat sahaja," katanya sambil berharap industri penanaman buah tin dapat dikembangkan lagi dengan bantuan tabung pinjaman mikro kredit TUT, kendalian Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC).



BUAH tin yang sedia untuk dimakan.



TANAMAN pokok tin yang diusahakan.

# RUU Foodbank Malaysia bakal dibentang di Parlimen hujung tahun ini - Menteri

**SEBERANG JAYA -** Suatu Rang Undang-Undang (RUU) berkaitan Foodbank Malaysia akan dibentangkan di Parlimen pada hujung tahun ini demi memastikan pelaksanaan program mengelak pembaziran lebihan makanan yang berkualiti boleh disalurkan kepada golongan terpilih secara berterusan dan berkualiti.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, masa telah tiba untuk membentangkan RUU itu memandangkan Yayasan Foodbank Malaysia telah mempunyai rakan strategik yang luas, rantaian bekalan lebihan makanan daripada 430 pasar raya di seluruh negara serta logistik sokongan termasuk di kampus universiti awam.

"Ini, majlis peluncuran pertama Foodbank Siswa, dan kita pilih kampus UiTM Pulau Pinang kerana dekat sini kita mula laksanakan program di bawah Mutiara Foodbank dengan sokongan tidak berbelah bahagi daripada Kerajaan Negeri sebelum ini.

"Paling penting, program Foodbank ini bukan secara *one-off*, tapi secara berterusan...di Pulau Pinang ada lebih 37,000 penerima, sementara di seluruh negara ada lebih 25,000 penerima.

"Hujung tahun ini, kita akan membentangkan Rang Undang-Undang berkenaan *food bank* ini yang akan mengandungi beberapa perkara tentang bagaimana harusnya kita tetapkan (pelaksaaan) projek ini.

"Kalau semua berjalan mengikut jadual, pada hujung tahun, kita akan mendapatkan sokongan Parlimen untuk menerima dan meluluskan suatu rang undang-undang menjadi Akta," jelasnya pada majlis perasmian berkaitan di sini 23 Mac 2019.

Turut berucap, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh yang juga Pengerusi Mutiara Foodbank Pulau Pinang; Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik UiTM Pulau Pinang, Prof.




**SAIFUDDIN Nasution Ismail (enam dari kiri) bergambar kenangan bersama-sama sebahagian mahasiswi bersempena Majlis Peluncuran Foodbank Siswa di sini baru-baru ini.**

Madya Ir. Dr. Ahmad Rashidy Razali dan Pengerusi Persatuan Pengusaha Restoran Islam Malaysia (PPRIM), Datuk K.K. Sihabutheen Kirudu Mohamed yang juga penaja utama Program Foodbank Siswa Peringkat Negeri Pulau Pinang.

Hadir sama, Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus dan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Foodbank Malaysia, Abdul Wahab Long.

Saifuddin Nasution dalam pada itu turut merakamkan penghargaan kepada pentadbir UiTM Pulau Pinang kerana telah membekalkan 800 nama siswa daripada kumpulan B40 untuk menerima bekalan makanan harian menerusi program Foodbank berkaitan, sementara 200 nama lain daripada pentadbir Politeknik Seberang Perai Tengah (SPT).

"Walaupun ini program sukarelawan, siswa yang menyokong pelaksanaan program ini nanti jangan sampai ponteng kuliah," nasihat beliau.

Dalam perkembangan berkaitan, Saifuddin Nasution turut merakamkan penghargaan kepada PPRIM atas sumbangan sebuah lori untuk kegunaan Program Foodbank Siswa Peringkat Negeri Pulau Pinang.

## Landskap Taman Tunku dinaik taraf menerusi konsep GRPB

**SEBERANG JAYA –** Landskap Taman Tunku akan dinaik taraf bagi menyediakan lebih banyak kemudahan kepada golongan orang kurang upaya (OKU).

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin berkata, kerja-kerja menaik taraf tersebut adalah melibatkan kos berjumlah kira-kira RM400,000 yang akan dibiayai sepenuhnya oleh syarikat Uda Land (North) Sdn. Bhd. (Uda Land).

"Pelaksanaan kerja-kerja menaik taraf di Taman Tunku akan dilaksanakan secara *'one-off'*.

"Setelah kerja-kerja tersebut siap dilaksanakan di tapak, pihak penaja (Uda Land) akan menyerahkan kerja-kerja penyelenggaraan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) iaitu MPSP.

"Antara cadangan komponen dan kemudahan yang akan ada selepas ia siap kelak ialah tempat letak kereta, motosikal dan basikal, ruangan senaman, laluan pejalan kaki, papan tanda serta tandas awam.

"Projek naik taraf ini juga akan memberi keutamaan kepada golongan OKU untuk sama-sama beriadah di taman ini," katanya pada majlis pecah tanah bagi pelaksanaan projek berkaitan di sini 16 Mac lalu.

Hadir sama, Ahli-Ahli Majlis bagi MPSP; Setiausaha Perbandaran MPSP, Ir. Rosnani Mahmod; pegawai Jabatan Landskap MPSP dan wakil dari *Open University Malaysia* (OUM).

Terdahulu, turut berlangsung Program Kumpulan Tumpu Bincang yang bertujuan mendapatkan maklum balas daripada penduduk setempat termasuk kanak-kanak, remaja, dewasa, warga emas dan OKU berhubung projek naik taraf berkenaan.

Antara peserta terlibat dalam program tersebut adalah pelajar-pelajar dari Politeknik Seberang Perai, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Permatang Pauh, Kolej MARA, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bandar Baru Perda, SMK Seberang Jaya, SMK Tun Hussein Onn serta penduduk setempat.

Difahamkan, pelaksanaan projek menaik taraf Taman Tunku akan dijalankan melalui konsep Bajet Responsif Gender dan Partisipatori (GRPB).

## Bidang seni dan ekspresi budaya sebagai tarikan baharu pelancongan Negeri

**GEORGE TOWN -** Pulau Pinang kini mengorak langkah dalam menjadikan negeri ini sebagai hab kesenian dan kebudayaan unggul di rantau Asia.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, dalam tempoh 10 tahun akan datang, Pulau Pinang pasti menjadi hab yang menawarkan kepelbagaian seni dan budaya negeri ini.

"Kerajaan Negeri optimis dalam merealisasikan hasrat ini yang mana kita akan menyediakan pelbagai platform untuk mengetengahkan bakat anak-anak tempatan.

"(Dan) penganjuran Minggu Seni Pulau Pinang malam ini adalah sebagai langkah pertama ke arah menjadikan bidang seni dan ekspresi budaya sebagai tarikan baharu pelancongan di negeri ini," ucapnya pada Majlis Perasmian Minggu Seni Pulau Pinang atau *Penang Arts Week* di Padang Kota Lama dekat sini 24 Mac lalu.

Hadir sama, Exco Pembangunan Pelancongan, Warisan, Kebudayaan dan Kesenian, Yeoh Soon Hin; Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain, Konsul-konsul Jeneral dari China dan Jepun serta Konsul Kehormat Brazil.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tengah, Gooi Hsiao-Leung; ADUN Batu Lancang, Ong Ah Teong dan Setiausaha Bandaraya bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ir. Addnan Mohd. Razali turut memeriahkan majlis berkenaan.

Dalam pada itu, Kon Yeow juga menyeru semua seniman, pendidik dan mereka yang meminati bidang seni serta budaya untuk terus berkarya dan memberi inspirasi dalam mengetengahkan sesuatu karya itu.

"Kerajaan Negeri akan sentiasa berdiri di belakang anda dalam menyediakan platform dan peluang untuk berkarya.

"Malah, Kerajaan Negeri juga menyediakan sebidang tanah berkeluasan 9.2 ekar bersebelahan Gat Lebuh Macallum untuk dijadikan *Penang Arts District*.

"(Dan) ia bakal menjadi satu lagi tarikan baharu, pemangkin dalam industri kreatif dengan konsep bandar kontena lengkap taman landskap.

"Kerajaan Negeri percaya projek ini *(Penang Arts District)* akan meningkatkan nilai seni dan budaya Pulau Pinang di persada antarabangsa," katanya.

Dalam pada itu, Soon Hin dalam ucapannya turut berhasrat mempelbagaikan program-program kesenian dan budaya yang mengetengahkan seni halus, kontemporari, moden dan tradisional.

"Malah, kita (Kerajaan Negeri) akan menjadikan Minggu Seni Pulau Pinang sebagai program tahunan yang gilang-gemilang," ujarnya yang turut menzahirkan penghargaan kepada pihak-pihak yang terlibat.

Minggu Seni Pulau Pinang merupakan program julung kali diadakan bermula 24 Mac sehingga 31 Mac 2019.

Kumpulan Euphoria Penang membuka tirai perasmian dengan persembahan yang memukau diikuti dengan persembahan daripada artis K-Pop, *Diamond Crunch* atau *D-Crunch*.

Selain persembahan seni dan ekspresi budaya, turut diadakan adalah pameran kesenian membabitkan beberapa lokasi seperti di *Gurney Plaza, Gurney Paragon, Queensbay Mall* dan Padang Kota Lama.



***POSE* menarik Yeoh Soon Hin pada salah satu pameran yang diadakan bersempena penganjuran Penang Arts Week.**

# Penyu lipas, ADUN seru umum maklum Jabatan Perikanan

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **ADUN**

**BAYAN LEPAS** – Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bayan Lepas, Azrul Mahathir Aziz berharap pantai Gertak Sanggul hingga ke Sungai Batu mampu menjadi tarikan baharu buat pelancong ekoran kehadiran penyu lipas yang bertelur di sini.

Menurut Azrul Mahathir, penemuan 104 telur penyu lipas itu merupakan berita baik kepada sektor pelancongan negeri, tambahan pula spesies tersebut kini menghadapi ancaman kepupusan.

"Saya harap orang ramai yang terjumpa telur penyu di mana-mana pantai berhampiran terus maklumkan kepada Jabatan Perikanan Malaysia (JPM) Pulau Pinang untuk tindakan lanjut… jangan sesekali mengambil telur-telur tersebut kerana ianya salah di sisi undang-undang.

"Akta Perikanan 1985 juga memperuntukkan bahawa kita (orang awam) tidak boleh mengusik penyu-penyu yang mendarat dan bertelur di pantai melainkan lapor kepada JPM untuk kelangsungan hidup haiwan berkenaan," serunya pada Majlis Pelepasan 70 Ekor Anak Penyu Lipas dekat Pantai Pasir Belanda, Teluk Kumbar, berhampiran sebuah restoran makanan laut di sini.

Hadir sama, ADUN Batu Lancang, Ong Ah Teong; Pengarah JPM Pulau Pinang, Noraisyah Abu Bakar dan Ketua Pangkalan Utama



**AZRUL Mahathir Aziz menyempurnakan Majlis Pelepasan 70 Ekor Anak Penyu Lipas di sini baru-baru ini.**

Cawangan Perlindungan Sumber Jabatan Perikanan Perak, Mansor Yobe yang berkepakaran dalam bidang penyu.

Program pelepasan yang jarang-jarang berlaku tersebut melibatkan sejumlah 70 anak penyu lipas berusia seminggu.

Difahamkan, telur-telur penyu tersebut dipercayai ditemui oleh pemilik restoran makanan laut, Tan Tatt Ghee, 45, pada 18 Mac lalu sebelum memaklumkan perkara itu kepada JPM Pulau Pinang.

Dalam pada itu, Noraisyah dalam sidang media menyatakan, pelepasan tersebut harus dilakukan dekat pantai yang sama telur-telur tersebut dijumpai agar 15 tahun akan datang, penyu-penyu berkenaan akan mendarat semula ke kawasan sama untuk bertelur.

"Kebarangkalian dia (penyu) akan kembali ke sini adalah besar, dan penyu lipas ini dikategorikan sebagai terancam, bermaksud sekiranya kita tidak pelihara ianya boleh pupus seperti mana yang berlaku di Rantau Abang, Terengganu yang mana penyu belimbing sangat-sangat susah nak naik semula.

"Penyu lipas pun jarang, cuma beberapa kali sahaja dia naik ke sini, jadi kita serulah orang ramai maklumkan kepada JPM Pulau Pinang, dan setakat ini penyu lipas memang naik di Pulau Pinang sahaja.

"Jadi di Pulau Pinang, kita ada dua spesies utama iaitu penyu agar di Pantai Kerachut, Teluk Bahang dan penyu lipas di Gertak Sanggul sehingga Sungai Batu," jelasnya.

Tambah Noraisyah, kebiasaannya penyu mempunyai daya ingatan yang sangat kuat, dan pihaknya berharap selepas 15 tahun atau lebih, penyu-penyu tersebut akan pulang semula ke sini untuk bertelur.

"Keadaan sekitar juga memainkan peranan dan memberi impak kepada kehadiran penyu. Ianya sensitif kepada cahaya berlebihan, suasana bising dan kalau ada gangguan penyu boleh berpatah balik dan tidak lagi bertelur di sini," ujarnya.

Tatt Ghee ketika ditemui pihak media memberitahu bahawa pendaratan penyu lipas tersebut merupakan kali keempat dalam tempoh empat tahun, dan sepanjang tempoh tersebut, terdapat telur-telur yang telah menetas dengan sendirinya.

"Malam itu (18 Mac), saya dengar anjing menyalak bunyi lain sikit, dari situ boleh agak dah memang ada penyu yang datang untuk bertelur macam tahun-tahun lepas, dan biasanya kami memang akan maklumkan kepada JPM Pulau Pinang," katanya.

## Tiga sekolah terima bantuan pembangunan koperasi SKM

**PULAU BETONG** – Sebanyak tiga sekolah di negeri ini dipilih sebagai penerima bantuan pembangunan koperasi daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

Sekolah-sekolah terlibat adalah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tinggi Bukit Mertajam yang menerima peruntukan berjumlah RM30,000, SMK Permatang Tok Jaya (RM20,000) dan SMK Seri Balik Pulau (RM20,000).

Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain berkata, pemberian bantuan tersebut adalah bertujuan menggalakkan koperasi sekolah melebarkan lagi sayap perniagaan ke arah bidang yang lebih kompetitif.

"Bagi melonjakkan pencapaian perolehan perniagaan koperasi ke arah lebih tinggi, koperasi sekolah digalakkan untuk menceburi pelbagai bidang perniagaan yang lebih kompetitif dan tidak hanya tertumpu kepada aktiviti sedia ada seperti kedai buku.

"Hal ini kerana tumpuan perniagaan kedai buku adalah lebih bersifat 'bermusim', iaitu permintaan amat menggalakkan hanya pada sesi awal persekolahan dan permintaan akan menurun serta mendatar selepas pelajar memasuki suku tahun kedua dan ketiga.

"Justeru, SKM amat menggalakkan koperasi sekolah melebarkan sayap perniagaan dengan menjalankan aktiviti lain seperti kedai dobi, penginapan hotel bajet dan sebagainya dengan menyediakan pelan tindakan serta pelaksanaan aktiviti perniagaan yang baik," katanya pada Program Taklimat Keusahawanan Koperasi Sekolah dekat Dewan SMK Seri Balik Pulau di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail; Pengarah SKM Pulau Pinang, Zakaria Mat Jusoh; Ketua Sektor Pengurusan Sekolah, Suhaimi Saidin serta Pengetua Cemerlang SMK Seri Balik Pulau, Wan Sajiri Wan Hassan.

Mengulas lanjut, Abdul Halim menyatakan bahawa perkhidmatan e-dagang juga perlu ditingkatkan seiring dengan pembangunan ekonomi digital yang lebih



**SEBAHAGIAN guru dan pelajar sekolah yang mengambil bahagian dalam penganjuran Program Taklimat Keusahawanan Koperasi Sekolah di sini baru-baru ini.**

berinovasi.

"Oleh itu, platform Konvensyen Young Entrepreneur Strive For Success (YESS) dilihat bertepatan untuk dijayakan sebagai suatu usaha berterusan dalam memastikan koperasi sekolah menyemai budaya keusahawanan di samping menjana idea berinovatif terhadap penciptaan produk baharu," ujarnya yang juga ADUN Batu Maung.

Dalam pada itu, penerima bantuan berkenaan, **MOHD. NAZRI BAHARI** ketika ditemui Buletin Mutiara memberitahu bahawa program tersebut harus dilaksanakan setiap tahun bagi memberi pendedahan kepada pengetua-pengetua sekolah mengenai YESS serta cara memohon gerai jualan.

"Koperasi kita (SMK Tinggi Bukit Mertajam) mempunyai daya beli yang tinggi dalam kalangan pelajar, justeru dengan bantuan diterima, kami bercadang untuk mengubah suai koperasi ala 'mini market' untuk keselesaan para pelajar," jelasnya.

Difahamkan, koperasi sekolah mula ditubuhkan pada tahun 1968 hasil idea bernas Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd. (Angkasa) yang pertama iaitu Prof. Diraja Ungku Aziz.

## Pulau Pinang 'negeri gemuk' jika masalah lebih berat badan dan obesiti tidak dibendung

**BATU UBAN** – Sebanyak 27 restoran nasi kandar seluruh Pulau Pinang menerima Sijil Pengiktirafan Premis Outlet Makanan Bersih, Selamat dan Sihat (BeSS) Peringkat Negeri Pulau Pinang baru-baru ini.

Ketika berucap, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin memuji para pengusaha restoran nasi kandar berkaitan yang komited menjaga kualiti kebersihan dan keselamatan makanan dengan memperoleh markah skor lebih daripada 86 peratus.

"Melalui BeSS yang diperkenalkan oleh Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), ianya merupakan salah satu inisiatif baik bagi mengiktiraf premis makanan yang bersih serta menjadi hasrat rakyat dalam negara amnya.

"Adalah diharapkan agar para pengusaha premis makanan ini kelak terus mengekalkan serta meningkatkan tahap kebersihan premis makanan masing-masing bagi memastikan tahap makanan yang selamat dihidangkan kepada pelanggan," ujarnya pada majlis berkaitan di sini 14 Mac lalu.

Turut hadir, Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain; Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Pulau Pinang, Datuk Dr. Wan Mansor Hamzah dan Timbalan JKN Pulau Pinang, Ku Nafisah Ku Ariffin.

Difahamkan, sejak tahun 2016 hingga 2018 menyaksikan sebanyak 534 premis makanan telah memperoleh sijil BeSS.

Mengulas lanjut, Afif memberitahu bahawa pengiktirafan tertinggi tersebut diharap turut menjadi pemangkin kepada pengusaha-pengusaha lain untuk mempertingkatkan tahap kebersihan seterusnya menjaga nama baik Pulau Pinang sebagai lokasi pelancongan yang mendapat jolokan syurga makanan.

Dalam pada itu, Wan Mansor menyatakan bahawa melalui kriteria BeSS, ia mampu mengurangkan risiko pencemaran makanan serta memberi maklumat berhubung cara pemakanan sihat terutamanya dalam membendung gejala penyakit tidak berjangkit (NCD) seperti kencing manis, darah tinggi dan obesiti.

"Melalui satu kajian pada 2015, 18 peratus daripada kalangan dewasa di Malaysia mengalami masalah diabetes, dan 30 peratus lagi mengalami darah tinggi yang mana kedua-dua penyakit ini adalah gerbang kepada obesiti.

"Bagi berlebihan berat badan, Pulau Pinang mencatatkan 37 peratus kes membabitkan demografi 18 tahun ke atas dan obesiti (27 peratus).

"Sekiranya ia tidak dibendung, Pulau Pinang boleh menjadi sebuah 'negeri gemuk' pada masa hadapan," tegasnya.

# Permohonan program biasiswa PFF dibuka 31 Mei

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN –** Permohonan bagi mendapatkan pembiayaan biasiswa Kerajaan Negeri Pulau Pinang, *Penang Future Foundation* (PFF) akan dibuka mulai 31 Mei sehingga 20 Jun 2019.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, program biasiswa hasil inisiatif Kerajaan Negeri berkenaan mula diperkenalkan pada tahun 2015 bagi membantu pelajar cemerlang dan berkelayakan melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi awam dan swasta di Malaysia.

"Melalui PFF, Kerajaan Negeri berhasrat untuk membangunkan modal insan terutamanya dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan, matematik, kewangan dan perakaunan.

"(Dan) sejak empat tahun lalu, melalui PFF, seramai 408 pelajar terpilih, warganegara Malaysia, mendapat manfaat dengan pembiayaan berjumlah RM23.3 juta.

"Mereka ini disyaratkan untuk kembali dan berkhidmat di negeri ini selama lima tahun selepas tamat pengajian dalam memastikan visi Pulau Pinang dapat direalisasikan," ujarnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Menurut Kon Yeow, sejak 2017, Kerajaan Negeri telah menambah baik pembiayaan PFF ini dengan memperkenalkan dua kategori biasiswa iaitu *'PFF Penang Scholar'* dan *'PFF Mutiara Scholar'*.




**KETUA Menteri pada sidang media pengumuman PFF di sini baru-baru ini.**

"Kedua-dua biasiswa ini mempunyai kriteria kelayakan yang berbeza antaranya pendapatan isi rumah dan kelayakan akademik.

"Bagi permohonan *'PFF Penang Scholar'*, pelajar mesti mendapat Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) 3.67 dan ke atas serta pendapatan isi rumah tidak melebihi RM15,000 sebulan atau RM180,000 setahun dengan elaun sara hidup sebanyak RM1,000.

"Manakala bagi *'PFF Mutiara Scholar'*, CGPA yang ditetapkan adalah antara 3.00 hingga 3.66 dengan pendapatan isi rumah tidak melebihi RM5,000 sebulan atau RM60,000 setahun serta mendapat elaun sara hidup sebanyak RM600," katanya.

Sebagai rekod, Kerajaan Negeri telah membelanjakan RM23.3 juta sejak program berkaitan diperkenalkan pada 2015 iaitu (mengikut pecahan tahun) RM4.6 juta pada 2015 dengan 63 pelajar menerima manfaat, diikuti RM7.6 juta pada 2016 (129 pelajar).

Pada 2017, sebanyak RM5.5 juta dibelanjakan bagi membiayai 79 penerima *'PFF Penang Scholar'*, dan 29 penerima *'PFF Mutiara Scholar'*.

Manakala tahun lalu, RM5.6 juta diberikan kepada 81 penerima *'PFF Penang Scholar'* dan *'PFF Mutiara Scholar'* (27 penerima).

Bagi pemohon yang berminat, boleh dapatkan maklumat lanjut secara berkala dari laman sesawang PFF di *www.penangfuturefoundation.my* atau melalui akhbar Buletin Mutiara atau melalui media sosial seperti *Facebook* dan *Twitter* serta di pameran pendidikan terpilih seluruh negeri.

## Lapan pemenang Pertandingan Fotografi BFF 2018 terima hadiah

**SEBERANG JAYA –** Thum Chen Zheng dipilih sebagai pemenang tempat pertama Pertandingan Fotografi Festival Pinggiran Butterworth (BFF) 2018 dengan membawa pulang wang tunai bernilai RM1,200.

Sementara Lim Lean Eng di tempat kedua, dan Goh Yong Hooi (ketiga) dengan masing-masing membawa pulang hadiah wang tunai RM800 dan RM500.

Lima hadiah saguhati berupa wang tunai RM100 turut diberikan kepada para pemenang lain.

Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata, pertandingan itu adalah sangat bermakna kerana memberi peluang kepada komuniti Seberang Perai untuk berkarya melalui fotografi sepanjang dua hari BFF berlangsung iaitu pada 1 dan 2 Disember 2018.

Dalam perkembangan sama, Rozali turut merakamkan penghargaan kepada Think City Sdn. Bhd. dan kurator TLM Event Sdn. Bhd. serta sokongan penuh Kerajaan Negeri atas penganjuran bersama BFF 2018 yang telah masuk edisi tahun keempat.



**SR. Rozali Mohamud (tiga dari kanan) menyerahkan hadiah kepada Thum Chen Zheng pada sidang media di sini baru-baru ini.**

## Bandar pintar, rakyat sebagai teras perlu diberi penekanan paling tinggi

**BAYAN LEPAS –** Hasrat Kerajaan Negeri dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai bandar pintar dan bertaraf antarabangsa menjelang tahun 2025 akan lebih cepat dicapai jika rakyat bersedia menerima cadangan pembangunan yang dirancang.

Perkara itu dinyatakan Ketua Bahagian Hal Ehwal Pos dan Dagang, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Mohamed Zaidi Abdul Karim.

Menurutnya, dalam menjayakan misi penting tersebut, empat teras utama harus diberikan perhatian iaitu tadbir urus, infrastruktur, data dan juga rakyat.



**ANTARA ahli jawatankuasa penganjur yang terlibat dalam penganjuran program penerangan *Penang Beyond Smart Government and Smart Network for a Better World* di sini baru-baru ini.**

"Rakyat adalah teras yang harus diberi penekanan paling tinggi kerana merekalah yang akan menerima manfaat daripada misi dan visi bandar pintar ini.

"Kemudahan yang akan dibangunkan di bawah agenda bandar pintar tidak akan mencapai sasarannya sekiranya masyarakat tidak dapat menerima pembangunan dirancang.

"Hal ini kerana semua agenda yang dirancangkan ini adalah bagi memenuhi keperluan masyarakat," ucapnya pada sesi *Smart Network for Better World* sempena penganjuran program penerangan *Penang Beyond Smart Government and Smart Network for a Better World* di sini 12 Mac lalu.

Hadir sama, Pengarah Pejabat Pembangunan Persekutuan Pulau Pinang, Datuk Dr. Mohamad Farazi Johari dan Pengarah Hal Ehwal Korporat edotco (M) Sdn. Bhd., Abdurrahman Othman.

Mengulas lanjut, Mohamed Zaidi menjelaskan bahawa banyak *stakeholders* termasuk ahli akademik, penyelidik, pentadbir masyarakat, pentadbir negeri, badan bukan kerajaan (NGO) serta wakil pengguna terlibat sama dalam usaha merealisasikan agenda tersebut.

"Sebab itu, kita turut adakan beberapa pembentangan khusus daripada pakar-pakar dalam bidang masing-masing termasuk pembangunan infrastruktur serta prasarana komunikasi.

"Kita (SKMM) berharap agar masyarakat mendapat informasi terkini dan lebih bermaklumat mengenai infrastruktur berkaitan oleh syarikat komunikasi yang sentiasa dipantau dan selamat," ujarnya.

Difahamkan, seramai 100 peserta menyertai program penerangan tersebut yang dibahagikan kepada empat sesi.

# Kelas Matematik Jepun percuma sejajar visi *Penang2030*

Oleh : **SITI HUMAIRA MOHAMED YASIN**
Gambar : **NUR AFIQAH ZAINUDI**

**GEORGE TOWN –** Matematik dianggap antara subjek kritikal berikutan semakin kurang pelajar memilih untuk menguasainya sama ada pada peringkat sekolah mahupun di institusi pengajian tinggi.

Justeru, Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain berhasrat untuk menambah bilangan Kelas Matematik Jepun atau *Japanese Math Class* (JMC) di semua 40 Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) dalam usaha memupuk minat pelajar terhadap subjek berkenaan.

"Kelas Matematik Jepun (JMC) dianjurkan oleh *Penang Math Platform* (PMP) dan disokong sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri.

"Sekarang ini, terdapat kira-kira 200 pelajar terdiri daripada kanak-kanak berumur enam hingga tujuh tahun menyertai JMC.

"Saya ingin matematik dilihat sebagai satu subjek yang mudah, seronok dan menarik walaupun pelajar mengatakan ia susah jika mereka tidak mempraktikkannya.

"Saya juga berhasrat agar JMC ini dapat diperluaskan di semua KADUN sebagai sebahagian inisiatif untuk meletakkan matematik sebagai subjek diminati," ucapnya



SALAH satu acara menarik yang diadakan.

pada Majlis Perasmian Kelas Matematik Jepun di sini 9 Mac lalu.

Hadir sama, Konsul Jeneral Jepun ke Pulau Pinang, Shinichiro Kanoya; Ketua Pegawai Eksekutif STEM Penang, Ang Lye Hin; Ketua Pegawai Eksekutif investPenang, Dato' Loo Lee Lian; Pengurus Besar PMP, Richard Chung; Ketua Pegawai Eksekutif Tech Dome Penang, Dr. Khong Yoon Loong; Pengarah Program JMC, Dr. Cheah Ui Hock dan Prof. Madya Dr. Ang Miin Huey dari Universiti Sains Malaysia (USM).

Menurut Abdul Halim, sebanyak empat lokasi lagi akan menganjurkan JMC secara



ABDUL Halim Hussain (berkemeja putih) merakam gambar bersama-sama tetamu kehormat serta pelajar cilik pada Majlis Perasmian JMC di sini baru-baru ini.

percuma, iaitu di Batu Maung, Pengkalan Kota, Perai dan Bagan Ajam.

"Kelas ini percuma, diadakan secara mingguan kepada kanak-kanak berumur enam dan tujuh tahun.

"Penganjuran JMC ini adalah sejajar dengan visi *Penang2030* yang digagaskan oleh Ketua Menteri (Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow) dengan berteraskan *'A Family-focused Green and Smart State that Inspires the Nation'*.

"Malah sejak 2009, semasa di bawah pentadbiran YB Lim Guan Eng, Kerajaan Negeri telah memulakan STEM (sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik) dengan membangunkan *Tech Dome Penang*, Perpustakaan Digital Pulau Pinang, *Penang Science Cluster* dan PMP.

"Jadi, Kerajaan Negeri hari ini akan meneruskan usaha ini agar generasi pewaris masa hadapan mempunyai kemahiran yang baik dalam matematik dan juga sains ke arah mencapai visi negeri pintar," katanya.

## Jangan buang sampah merata-rata, praktis amalan pengasingan sisa – seru ADUN

**PERMATANG PASIR –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal, Soon Lip Chee menyerahkan enam tong sampah beroda percuma untuk kemudahan penduduk di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Taman Ampang Jajar.

Beliau berkata, sumbangan tersebut diharap dapat membantu mengatasi masalah pembuangan sampah di merata-rata tempat oleh segelintir penduduk yang tidak bertanggungjawab di kawasan perumahan berkenaan.

"Saya menerima banyak aduan berkaitan masalah pembuangan sampah yang dicampakkan dari tingkat atas yang mana keadaan ini boleh mengundang bahaya dan mengancam keselamatan nyawa serta harta benda penduduk.


KEADAAN di salah sebuah unit PPR Taman Ampang Jajar yang tidak berpenghuni.

"Saya telah mengkaji dan membuat perbincangan dengan Bahagian Perumahan (Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri) dan memutuskan untuk membekalkan enam tong sampah untuk diletakkan di tiga blok PPR di sini supaya penduduk boleh membuang sampah di tempat sepatutnya.

"Saya juga berharap dengan adanya tong sampah ini, ia sedikit-sebanyak dapat membantu menyelesaikan masalah sampah di sini, dan suka saya menasihati penduduk agar tidak membuang sampah di merata-rata tempat lagi selepas ini," ujarnya pada sidang media di sini 20 Mac lalu.

Turut serta, Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Khong Chee Seong; Pegawai Kanan Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Ishan Osman;



SOON Lip Chee (empat dari kanan) menyerahkan enam tong sampah beroda untuk ditempatkan di ketiga-tiga blok PPR Taman Ampang Jajar di sini baru-baru ini.

Pengerusi PPR Taman Ampang Jajar, Krishna Murthy serta komuniti setempat.

Dalam pada itu, Chee Seong menjelaskan bahawa sikap penduduk yang gemar membuang sampah di merata-rata tempat dipercayai telah menjadi salah satu faktor menyebabkan berlakunya wabak denggi di kawasan berkenaan.

Menurutnya, selain mengurangkan penghasilan sampah, penduduk juga harus menitikberatkan amalan pengasingan sisa di punca.

"Kita akan mohon pihak MPSP untuk mengadakan lebih banyak program kesedaran berhubung pengasingan sisa di punca di perumahan PPR bagi menggalakkan penduduk menguruskan sampah dengan cara yang betul," katanya.

Difahamkan, kira-kira enam hingga lapan tong beratan sampah dihasilkan penduduk dikutip oleh kontraktor pembersihan yang dilantik Kerajaan Negeri di PPR Taman Ampang Jajar setiap hari.

## Saringan awal elak penyakit buah pinggang, nasihat Exco

**GEORGE TOWN –** Peningkatan pesakit yang mengalami kegagalan buah pinggang di Malaysia dalam tempoh lapan tahun sejak 2009 adalah semakin membimbangkan, ujar Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr Afif Bahardin.

Kebimbangan tersebut disuarakan beliau ketika berucap pada Majlis Perasmian Sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia 2019 di sini 8 Mac lalu.

"Saban tahun, bilangan rakyat dalam negara yang menderita ekoran penyakit kegagalan buah pinggang adalah meningkat. Pada tahun 2009, seramai 21,245 individu menjalani rawatan dialisis, dan jumlah ini telah meningkat kepada 42,009 orang (2017).

"Peningkatan pesakit sebanyak dua kali ganda dalam tempoh hanya lapan tahun, dan ia dijangka berterusan sekiranya langkah-langkah pencegahan seperti tabiat pemakanan rakyat dalam negara tidak diubah," ujar Afif yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya pada majlis berkaitan.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Pulau Pinang, Datuk Dr. Wan Mansor Hamzah; Ketua Perkhidmatan Nefrologi, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Datuk Dr. Ong Lok Meng dan Ahli-ahli Jawatankuasa Penganjur Hari Buah Pinggang Sedunia 2019.

Mengulas lanjut, Afif memberitahu, merujuk kepada *Malaysia Dialysis and Transplant Registry*, dua penyebab utama penyakit kegagalan buah pinggang ialah kencing manis dan tekanan darah tinggi.

"Satu fakta yang penting ialah kebanyakan pesakit (buah pinggang) tidak menunjukkan sebarang gejala pada peringkat awal kerana ianya *silent disease*.

"Oleh itu, adalah penting bagi pesakit kencing manis dan darah tinggi menjalani saringan awal untuk mengelakkan gejala lebih teruk hingga terpaksa menjalani rawatan dialisis," serunya sambil berkongsi bahawa amalan pemakanan sihat serta menjalankan aktiviti fizikal mampu untuk membendung penyakit tersebut.

# PCEB sasar anggaran impak ekonomi RM1.6 bilion, KM rakam penghargaan

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN -** Sektor acara perniagaan yang kian berkembang pesat di Pulau Pinang dijangka mencecah RM1.5 bilion anggaran impak ekonomi (EEI) pada tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Biro Persidangan dan Pameran Pulau Pinang (PCEB), G. Ashwin memberitahu bahawa pihaknya mensasarkan EEI sejumlah RM1.6 bilion pada tahun 2019.

"Kami juga melihat peningkatan sebanyak 30 peratus dalam jumlah acara tahun ini," katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Pelancaran Laporan Tahunan Acara Perniagaan Pulau Pinang 2018 di sini 20 Mac lalu.

Ashwin menyatakan bahawa pada tahun 2018 menyaksikan sejumlah 2,733 acara telah dilaksanakan di Pulau Pinang dengan EEI kira-kira RM1.312 bilion.

Menurut sumber PCEB, Pulau Pinang menganjurkan 1,251 acara dengan EEI sebanyak RM808 juta pada tahun 2016, sementara pada 2017 pula menyaksikan jumlah acara meningkat kepada 2,511 dengan EEI memecah nilai RM1 bilion, kali pertama pencapaian direkodkan oleh biro tersebut.

Mengulas lanjut, beliau memberitahu, Kongres Teknologi Maklumat Sedunia (WCIT) 2020 yang dijadual akan diadakan di negeri ini pada tahun depan (2020) dijangka menyumbang kepada peningkatan acara serta EEI, kelak.

"WCIT merupakan contoh utama mesyuarat persatuan antarabangsa yang sentiasa disasarkan oleh Pulau Pinang.

"WCIT2020 dengan mudah boleh menarik kira-kira 4,000 perwakilan ke negeri ini, dan akan meningkatkan industri di Pulau Pinang.

"Kesan ekonomi untuk persidangan itu sahaja akan tiga kali lebih banyak daripada apa-apa persidangan (lain)," jelasnya.

Dalam pada itu, Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow ketika merasmikan majlis tersebut merakamkan penghargaan atas pencapaian terbaru PCEB.

"Sektor perkhidmatan menyumbang 49 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negeri, dan 59 peratus daripada segi mewujudkan peluang pekerjaan.

"Komponen utama sektor perkhidmatan di Pulau Pinang adalah pelancongan.

"Pelancongan di Pulau Pinang telah mengalami pertumbuhan yang stabil sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

"Permintaan penting untuk pusat pameran yang berdedikasi di Pulau Pinang telah menyaksikan satu lagi pelaburan sektor swasta yang penting (seperti) *Penang Waterfront Convention Centre* (PWCC).

"Terletak di *The Light City*, PWCC dijadualkan dibuka pada awal tahun 2021," ujarnya.

Tambah Kon Yeow, sektor acara perniagaan di Pulau Pinang kian berkembang.

"Sektor ini telah menunjukkan potensi yang besar dan ada ruang untuk ia berkembang menjadi pemain utama dan penyumbang besar kepada ekonomi," katanya.

Berucap pada majlis sama, Exco Pembangunan Pelancongan, Warisan, Kebudayaan dan Kesenian, Yeoh Soon Hin berkata, pertumbuhan dalam sektor acara perniagaan di negeri ini sekaligus akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri, serta mendorong pembangunan komuniti.

"PCEB ditubuhkan sebagai 'tangan' negeri untuk membangunkan sektor pelancongan perniagaan dan bekerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan (dalam) acara perniagaan.

"Pada 2018, PCEB menembusi dua pasaran baru dan penting untuk acara perniagaan iaitu India dan United Kingdom.

"Saya percaya bahawa Seminar Acara Perniagaan Tahunan Pulau Pinang akan dapat memberikan maklumat diperlukan kalian, untuk merancang jualan serta pemasaran tahun-tahun yang akan datang.

"Pejabat saya komited sepenuhnya untuk memastikan kejayaan acara perniagaan di Pulau Pinang," ujar beliau.

## Kesedaran jaga kesihatan perlu sebagai membendung risiko penyakit tidak berjangkit



**AHLI jawatankuasa, para jemputan dan pelajar-pelajar yang menjayakan penganjuran *World Health Day* di sini baru-baru ini.**

**PERAI –** Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin percaya bahawa rakyat di negara ini perlu menjadikan kesihatan sebagai agenda utama dalam kehidupan seharian.

Beliau berkata, kesedaran dan pengetahuan mencukupi mengenai penjagaan kesihatan diri merupakan kunci utama dalam mendidik rakyat terutamanya generasi pewaris.

"Kesedaran mengenai penjagaan kesihatan diri masih rendah dalam kalangan rakyat di negara ini, oleh itu, pendedahan mengenainya adalah perlu dalam usaha membendung sikap mudah alpa serta tidak menitikberatkan amalan pemakanan masing-masing.

"Kesan tidak menjaga amalan pemakanan boleh menyebabkan individu terdedah kepada risiko penyakit tidak berjangkit seperi kencing manis, kanser, tekanan darah tinggi dan sebagainya.

"(Dan) golongan kanak-kanak juga tidak terlepas daripada ancaman ini terutamanya masalah obesiti yang mana negara kita kini didapati mempunyai penduduk paling ramai obes di rantau Asia," ujarnya dalam teks ucapan yang dibaca oleh Pegawai Khas Exco berkaitan, Hermy Izwan Saidin pada program *World Health Day* dekat Sekolah Kebangsaan (SK) Taman Inderawasih di sini baru-baru ini.

Dalam teks ucapan tersebut, Afif turut memuji langkah pihak kolej swasta, *Island College of Technology* kerana melaksanakan program tersebut sebagai usaha meningkatkan kesedaran umum berhubung penjagaan kesihatan diri.

Selain pameran kesihatan, antara aktiviti lain yang turut dijalankan adalah pertandingan menyediakan makanan sihat serta senaman yang melibatkan murid-murid Tahun 4 hingga 6.

## Ubah sikap, kita mampu perangi denggi!

**MACHANG BUBUK –** Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin mengajak semua lapisan masyarakat untuk sama-sama membersihkan kawasan pembiakan nyamuk aedes.

Selain demi kesihatan sejagat, seruan berkaitan adalah ekoran laporan statistik yang menunjukkan secara kumulatif, kes denggi yang dilaporkan dari Januari sehingga 2 Mac 2019 (minggu ke-9) adalah sebanyak 26,545 kes berbanding 10,343 kes bagi tempoh sama tahun 2018, iaitu peningkatan sebanyak 156.6 peratus.

Katanya lanjut, gotong-royong merupakan salah satu medium menyampaikan maklumat mengenai isu denggi yang berlaku dalam sesuatu kawasan perumahan.

"Maka dalam soal denggi ini, masyarakat perlu memainkan peranan masing-masing dan ubah sikap dengan melibatkan diri dalam aktiviti sebegini," serunya ketika merasmikan Program Gotong-Royong Mega Perangi Aedes Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubuk, Lee Khai Loon; Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang, Datuk Dr. Wan Mansor Hamzah dan Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah, Kamarul Haizal Koderat.

Menurut Afif yang juga ADUN Seberang Jaya, sejak tahun 2018, Pulau Pinang mengguna pakai aplikasi *'beat and predict dengue'* bagi mengesan lebih awal kawasan yang berisiko 'diserangi' wabak denggi.

"Cuma apa yang penting kini adalah penglibatan masyarakat, kerana mereka sememangnya mempunyai kesedaran mengenai isu denggi tetapi masih mengambil sikap sambil lewa.

"Jadi, saya mahu masyarakat kita (di Pulau Pinang) ubah sikap dan mengambil tindakan segera membasmi penularan wabak denggi kerana kita mampu memeranginya (denggi)," tegasnya.

Difahamkan, program berkaitan dijalankan secara serentak di seluruh negara dan pemilihan perkampungan Machang Bubuk adalah rentetan peningkatan kes denggi di sini.




**DR. Afif Bahardin (lima dari kiri) dan Lee Khai Loon (empat dari kiri) pada Majlis Pelancaran Gotong-Royong Mega Perangi Aedes Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini**

# Kerajaan perlu mulakan inisiatif pastikan warga tua ambil bahagian dan sumbang kepada masyarakat

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**

**GEORGE TOWN -** Malaysia dijangka mempunyai 6.3 juta penduduk berusia 60 tahun dan ke atas menjelang 2040 ekoran faktor perubahan jangka hayat masyarakat yang lebih panjang berbanding sebelumnya.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, warga tua akan membentuk kira-kira 20 peratus daripada jumlah penduduk di negara ini berdasarkan data jangka hayat antara tahun 1840 dan 2007 yang menunjukkan peningkatan berterusan, iaitu tiga bulan lebih panjang setiap tahun.

"Walaupun lanjutan usia hari ini telah melangkaui jangkaan hayat masa lalu, namun statistik menunjukkan kualiti hidup adalah berkait rapat dengan usia, dan keadaan ini akan memberikan cabaran kepada warga tua serta masyarakat.

"Penuaan berlaku bersama dengan trend sosial lain yang akan memberi kesan kepada kehidupan warga tua," katanya semasa merasmikan pembukaan Persidangan Antarabangsa Mengenai Penuaan (ICA) 2019 di sini pada 7 Mac lalu.

Turut hadir, Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Datuk Dr. Asma Ismail serta Pengarah Eksekutif Riken, Prof. Dr. Motoko Kotani.

Persidangan bertemakan *'The Future Is Now: Fostering Social Commitment For The Active Ageing Community'* tersebut adalah anjuran USM menerusi USM-RIKEN Centre for Aging Science (URICAS) dan Kerajaan Negeri.

Justeru, Kon Yeow menyatakan bahawa kerajaan perlu memulakan beberapa inisiatif bagi memastikan warga tua terus mengambil bahagian dan turut menyumbang kepada masyarakat di negara ini.

"Kini, sebanyak 45 Pusat Aktiviti Warga Emas telah ditubuhkan di seluruh negara untuk menganjurkan pelbagai aktiviti sebagai platform untuk warga tua bersosial bersama-sama masyarakat," ujarnya.

Dalam pada itu, Asma menegaskan bahawa populasi dunia yang berumur 60 tahun dan ke atas dijangka akan meningkat dua kali ganda kepada 2 bilion menjelang 2050 berbanding 900 juta pada tahun 2015.

"Negara kita akan menyaksikan keadaan yang mana peningkatan penduduk warga tua melangkaui pertumbuhan jumlah penduduk," jelasnya sambil menambah bahawa persidangan itu akan membantu meningkatkan pemahaman terhadap penuaan.

## Terokai perkongsian strategik terajui inisiatif bandar pintar

**BATU UBAN –** Awal tahun 2019, Kerajaan Negeri Pulau Pinang melancarkan sistem keselamatan awam pintar bersepadu, iaitu projek pengecaman wajah dengan menggunakan sistem kamera litar tertutup (CCTV) pertama seumpamanya dalam negara.

Selain itu, penggunaan teknologi *'artificial intelligence'* bagi meramal kejadian wabak denggi di lokaliti yang berpotensi tinggi turut membolehkan Kerajaan Negeri membendung penularan wabak berkaitan.

Malah, Pulau Pinang juga menjadi negeri pertama di Malaysia yang memperkenalkan konsep perpustakaan tanpa buku atau perpustakaan digital yang terletak bersebelahan *Penang Free School*.

Menurut Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo, semua projek dan inisiatif dilaksanakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang itu adalah sebahagian usaha dalam menjadikan Pulau Pinang teraju utama bandar pintar dalam negara.

"Kerajaan Negeri bukan sahaja berhasrat mentransformasikan Pulau Pinang sebagai sebuah bandar pintar bahkan turut berhasrat untuk merealisasikannya.

"Tiada jalan pintas, sebaliknya kita (Kerajaan Negeri) perlu berusaha menyediakan segala infrastruktur digital dan menerokai perkongsian strategik dengan pihak-pihak berkepentingan bagi memastikan kita (Kerajaan Negeri) menuju ke arah bandar pintar menjelang 2030," ucapnya pada Majlis Perasmian Forum Penang: Beyond Smart Government and Smart Network for a Better World dekat sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin; Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ar. Yew Tung Seang; Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud; Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Kerajaan Tempatan, Nur 'Aishah Md. Norodin dan Pengerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Al-Ishsal Ishak.

Projek serta inisiatif lain yang sedang dijalankan Kerajaan Negeri, menurut Jagdeep, adalah membangunkan perpustakaan digital Islam pertama di Malaysia; membangunkan sistem parkir pintar *(smart parking system)*; sistem hentian bas pintar, pemasangan CCTV di seluruh negeri; menaik taraf sistem lampu jalan agar lebih mesra persekitaran serta membangunkan pusat kawalan bagi memantau penggunaan sesuatu teknologi di sesuatu kawasan.

"Bagi sistem parkir pintar dan sistem hentian bas pintar…ia akan diumumkan dalam waktu terdekat ini.

"Kerajaan Negeri baru-baru ini juga bekerjasama dengan *YTL Communications* (Sdn. Bhd.) dan *Facebook* untuk program perintis berskala besar *Terragraph* yang pertama dekat Asia di Pulau Pinang.

"(Dan) kali ini, kita (Kerajaan Negeri) bekerjasama dengan SKMM dan *Maxis* bagi membangunkan rangkaian pintar di negeri ini selaras dengan visi *Penang2030: 'A Family-focused Green and Smart State that Inspires the Nation'*," jelasnya.

Dalam pada itu, Ketua Jualan & Perkhidmatan Maxis Berhad, Tan Lay Han memuji kesungguhan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam merealisasikan visi *Penang2030*.

"Kami *(Maxis)* sangat teruja untuk menjadi sebahagian daripada inisiatif membangunkan infrastruktur pintar, dan berharap menjadi salah satu rakan kongsi strategik dalam penyelesaian digital dan ketersambungan *(connectivity)* di negeri ini.

"Sebagai sebuah syarikat yang menerajui capaian 4G LTE, *Maxis* telah berjaya mengadaptasi *internet of things* (IoT) dengan membantu para usahawan kecil dan sederhana dalam transformasi digital perniagaan mereka," katanya.

*Forum Penang: Beyond Smart Government and Smart Network for a Better World* mengumpulkan bukan sahaja pihak-pihak berkepentingan dalam menjayakan inisiatif bandar pintar, malah juga melibatkan penjawat awam negeri.



# Pusat jualan E- Skuter NIU pertama dalam negara di Pulau Pinang

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**PULAU TIKUS –** Syarikat pengeluar kenderaan mesra alam, MForce Bike Holdings Sdn. Bhd. dengan kerjasama Syarikat NIU International membuka pusat jualan skuter elektrik (E-Skuter) NIU pertama dalam negara di sini.

Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Chow Kon Yeow berkata, pembukaan pusat jualan tersebut mampu menyediakan lebih banyak pilihan mod pengangkutan untuk penduduk di negeri ini.

“Bagi pihak Kerajaan Negeri, saya memberi jaminan bahawa kita akan terus melaksanakan penambahbaikan infrastruktur serta inisiatif baharu dalam menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas.

“Pada masa sama, Kerajaan Negeri juga melihat beberapa mod pengangkutan lain seperti menggalakkan penggunaan pengangkutan awam,” ujarnya pada Majlis Perasmian Pembukaan NIU Showroom di sini 3 Mac lalu.

Hadir sama, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh serta Pengurus Besar Operasi MForce Bike Holdings Sdn. Bhd, Asri Ahmad.

Dalam pada itu, Asri ketika berucap memberitahu bahawa pihaknya kini sedang merancang untuk membuka kilang pengeluaran E-Skuter NIU di *Valdor Industry Estate* dekat Jawi, Seberang Perai Selatan (SPS) pada penghujung tahun ini.

"Kilang ini (di Jawi) bakal dilengkapi sistem pengeluaran berteknologi tinggi, trek ujian serta pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D).

“Kemudahan ini akan membolehkan kami membangunkan lebih banyak modul baharu bagi memenuhi permintaan pasaran dan citarasa pengguna," katanya.

Difahamkan, E-Skuter NIU merupakan skuter pintar dilengkapi teknologi terkini seperti Sistem Kedudukan Sejagat (GPS), motor elektrik berprestasi tinggi (keluaran syarikat Bosch), ketahanan sistem pengurusan bateri (hasil kerjasama dengan syarikat *Panasonic*), sifar karbon monoksida serta sifar bunyi.

Selain itu, skuter berharga RM8,800 itu turut dilengkapi dengan bateri isian penuh dan mampu bergerak sejauh 70 kilometer sejam (km/j) selama enam jam.



**KETUA Menteri dan Phee Boon Poh (dua dari kanan) sempat memberi *pose* istimewa pada Majlis Pelancaran NIU Showroom di sini baru-baru ini.**

## Bot pukat lohong, harap agensi penguat kuasa ambil tindakan tegas

**TANJUNG BUNGA -** Aktiviti penangkapan ikan membabitkan kira-kira 10 hingga 15 bot pukat lohong di sekitar perairan Tanjung Bunga didakwa menjejaskan mata pencarian kira-kira 400 nelayan pesisiran pantai kawasan terbabit di sini.

Ketua Unit Nelayan bagi kawasan Teluk Bahang, Johari Mohamad berkata, aktiviti pukat lohong atau dikenali sebagai pukat kenka mampu memusnahkan ekosistem kerana ia diibaratkan sebagai ‘menyapu bersih’ hasil laut.



**SEBAHAGIAN nelayan daripada Unit Nelayan Tanjung Bungah menyatakan bantahan mereka terhadap kehadiran bot pukat lohong pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.**

“Kami menyedari kehadiran mereka ini, yang dipercayai dari kawasan ‘luar’ sana, namun kini kami tengok makin hari makin bertambah.

“Mereka biasanya menjalankan aktiviti pada waktu malam sehingga awal pagi, jadi nelayan pesisir pantai yang turun ke laut pada jam 7 pagi memang akan kekurangan hasil yang ketara.

“Pukat lohong beroperasi macam ‘mini pukat tunda’, saiz lubang pukat lohong ini lebih kecil, jadi dengan menunda pukat tersebut, ianya akan kaut semua hasil tidak kira benih-benih dan ikan kecil,” tegas beliau dalam satu sidang media dekat Unit Nelayan Tanjung Bungah 10 Mac lalu.

Hadir sama, Ketua Unit Nelayan Tanjung Bungah, Ismail Din dan Ahli Badan Pengurusan Unit Nelayan Tanjung Bungah, Syahifa Hawa Zamhuri serta 30 nelayan setempat.

Selain itu, bot-bot pukat lohong berkenaan juga dipercayai mengupah awak-awak warga asing serta menggunakan enjin berkuasa besar.

Salah seorang nelayan, **SYAHIFA HAWA** ketika ditemui menyatakan bahawa penggunaan pukat lohong tidak sepatutnya dijalankan dekat pesisiran pantai berikutan saiznya yang tidak bersesuaian.

“Memang betul mereka jalankan aktiviti beberapa kilometer jauh daripada pantai mereka, tetapi mereka dah rapat ke pantai kita (sebelah pulau), diikutkan memang salah kerana pukat lohong harus beroperasi jauh daripada persisiran pantai,” tegasnya kepada Buletin Mutiara.

**ISMAIL DIN** dalam pada itu turut menyatakan bahawa pukat lohong boleh menyebabkan nelayan kerugian mencecah RM2,500 akibat pukat yang ditahan musnah sama sekali dirosakkan pukat lohong.

Rata-rata nelayan di situ berharap agar agensi penguat kuasa mengambil tindakan tegas memantau situasi berkenaan sebelum tindakan sendiri terlebih dahulu diambil oleh nelayan-nelayan setempat.



| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA**<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **N.03 PINANG TUNGGAL**<br>YB Dato' Ir. Zakiyuddin Abdul Rahman | (T) 04 - 575 6526<br>(F) 04 - 575 6526 |
| **N.16 PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 383 9131<br>(F) 04 - 383 9131 |
| **N.07 SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **N.10 SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109<br>(F) 04 - 390 5109 |
| **N.15 PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028<br>(F) 04 - 530 3028 |
| **N.29 DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **N.37 BATU MAUNG**<br>YB Dato' Haji Abdul Halim Hussain<br>pusatkhidmatn37@gmail.com | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
| **N.08 BAGAN JERMAL**<br>YB Soon Lip Chee | (T) 04 - 331 0163 |
| **N.22 TANJONG BUNGA**<br>YB Zairil Khir Johari | (T) 04 - 890 3866 |
| **N.34 PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soon Hin | (T) 04 - 827 8868<br>(F) 04 - 827 8868 |
| **N.28 KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtarN28@gmail.com | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **N.02 BERTAM**<br>YB Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq | (T) 013 - 430 6400<br>(P) 04 - 576 7606 |
| **N.06 TELOK AYER TAWAR**<br>YB Mustafa Kamal<br>mustafakamal.mkba@gmail.com | (T) 04 - 351 1732 |
| **N.09 BAGAN DALAM**<br>YB Satees A/L Muniandy<br>n9.bagandalam@gmail.com | (T) 04 - 313 3990 |
| **N.11 PERMATANG PASIR**<br>YB Muhammad Faiz Bin Fadzil<br>faizfadzilamanah@gmail.com | (T) 04 - 521 1106 |
| **N.12 PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **N.13 BERAPIT**<br>YB Heng Lee Lee<br>berapit@dappg.org | (T) 017 - 813 3509<br>(F) 04 - 540 0006 |
| **N.14 MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **N.17 BUKIT TENGAH**<br>YB Gooi Hsiao-Leung<br>gooihsiaoleung@penang.gov.my | (T) 04 - 507 5001<br>(F) 04 - 507 5001 |
| **N.18 BUKIT TAMBUN**<br>YB Goh Choon Aik | (T) 04 - 502 5818<br>(F) 04 - 506 2138 |
| **N.19 JAWI**<br>YB H'ng Mooi Lye<br>jawi@dappg.org | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **N.20 SUNGAI BAKAP**<br>YB Dr. Amar Pritpal Abdullah<br>ybadunsungaibakapn20@gmail.com | (T) |
| **N.21 SUNGAI ACHEH**<br>YB Zulkifli Ibrahim<br>n21adunsgacheh@gmail.com | (T) |
| **N.23 AIR PUTIH**<br>YB Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **N.24 KEBUN BUNGA**<br>YB Jason Ong Khan Lee<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **N.25 PULAU TIKUS**<br>YB Lee Chun Kit<br>pulautikus@dappg.org | (T) 04 - 228 5298<br>(F) 04 - 229 4294 |
| **N.27 PENGKALAN KOTA**<br>YB Gooi Zi Sen<br>pengkalankota@dappg.org | (T) 04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **N.30 SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>limsiewkhim@penang.gov.my | (T) 04 - 657 6630<br>(F) 04 - 658 6630 |
| **N.31 BATU LANCANG**<br>YB Ong Ah Teong<br>batulancang@dappg.org | (T) 04 - 280 4411<br>(F) 04 - 280 4422 |
| **N.32 SERI DELIMA**<br>YB Syerleena Abdul Rashid<br>32seridelima@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 5611 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.33 AIR ITAM**<br>YB Joseph Ng Soon Siang<br>airitam@dappg.org | (T) 04 - 829 9143 |
| **N.35 BATU UBAN**<br>YB Kumaresan A/L Aramugam<br>kumar.harapan35@gmail.com | (T) 04 - 668 1062<br>(F) 04 - 668 1062 |
| **N.36 PANTAI JEREJAK**<br>YB Dato' Saifuddin Nasution | (T) |
| **N.38 BAYAN LEPAS**<br>YB Azrul Mahathir Aziz<br>ambasegaria.aam@gmail.com | (T) 04 - 649 3976<br>(F) 04 - 649 3976 |
| **N.39 PULAU BETONG**<br>YB Haji Mohd. Tuah Ismail | (T) 04 - 866 0214 |
| **N.40 TELUK BAHANG**<br>YB Zolkifly Md. Lazim | (T) |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |
| - | (T) |

| NAMA ADUN PEMBANGKANG | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.01 PENAGA**<br>YB Ustaz Yusni Mat Piah | (T) |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>YB Nor Hafizah Othman | (T) |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.01 PENAGA**<br>Md. Khalil Salleh<br>novafast63@gmail.com | (T) 012 - 598 4881 |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>Dato' Jasmin Mohamad<br>jmmohamed002@gmail.com | (T) 018 - 468 6610 |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>Yusri Isahak<br>ysregnot@gmail.com | (T) 019 - 337 4055 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT | 999 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| HOTLINE MBPP | 04-263 7637 |
| ANGKATAN PERTAHANAN AWAM | 04-228 9012 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## Program-Program Emas




Program-Program Emas Kerajaan Negeri Pulau Pinang

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2019

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPSP | 04 - 549 7555 |
| Anuar Yusoff | 016 - 461 6390 |
| A'ziss Zainal Abiddin | 017 - 938 9192 |
| Cheen Goon Hooi | 012 - 402 0923 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397 |
| Dr. Seow Kweng Tian | 012 - 507 2229 |
| Heng Yeh Shiuan | 016 - 261 2460 |
| Jason Raj a/l Kirupanantha | 014 - 905 8113 |
| Johnson a/l Anthonysamy | 012 - 424 5745 |
| Kang Yau Chuang | 010 - 829 3904 |
| Khong Chee Seong | 011 - 1522 6628 |
| Kumaran A/L Krishnan | 012 - 464 4697 |
| Marshidaliza Marzuki | 011 - 3929 9023 |
| Mohd Saifullah Abd. Nasir | 013 - 770 1001<br>013 - 503 3349 |
| Mohd Sharmizan Mohamad Nor | 011 - 1110 6456 |
| Mohamad Akmal Azhar | 019 - 518 5145 |
| Ong Jing Cheng | 012 - 758 3779<br>016 - 445 5709 |
| Ooi Yong Wooi | 016 - 421 1196 |
| Shuhada Abdul Rahim | 010 - 380 7672 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Cheong Heng | 012 - 487 3101 |
| Tengku Rasidah Tengku Kamarudin | 019 - 473 1323 |
| Wong Chee Keet | 012 - 451 1312 |
| Zaini Awang | 019 - 546 3115 |
| Zulkiply Ishak | 013 - 431 6161 |

## SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

| Bil. | Nama | Daerah | Pejabat / Unit Kewarganegaraan | No. Telefon |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Yeap Choon Keong | Timur Laut | | 013 - 449 0366 |
| 2. | Velan A/L Kalimuthu | Barat Daya | | 018 - 394 4537 |
| 3. | K. Krishnasamy | Seberang Perai Utara | Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR. | 012 - 488 1553 |
| 4. | P. Rachenamorthy | Seberang Perai Tengah | | 019 - 457 2271 |
| 5. | Vadi Velan A/L Subramaniam | Seberang Perai Selatan | | 011 - 1144 1816 |

**Nota:**
**Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.**

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2019

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBPP | 04 - 259 2020 |
| Ahmad Azrizal Tahir | 019 - 541 4818 |
| Aidi Akhbal Mohamed Zainon | 012 - 464 3004 |
| Azahari Aris | 016 - 499 2580 |
| Azli Ibrahim | 011 - 2432 9007 |
| Dr. Chee Heng Leng | 017 - 333 9366 |
| Francis a/l Joseph | 012 - 474 3321 |
| Gerald Mak Mun Keong | 016 - 452 6499 |
| Gooi Seong Kin | 016 - 457 1271 |
| Hari Krishnan a/l Ramakrishnan | 010 - 505 5571 |
| Harvindar Singh a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250 |
| Kaliyappan a/l P. Renganathan | 012 - 407 7276 |
| Latifah Hussainsa | 013 - 436 1999 |
| Nurliyana Mohd Ramzi | 011 - 3922 4080 |
| Nur Zarina Zakaria | 011 - 1578 5098 |
| Ong Kean Peng | 012 - 629 1133 |
| Rohaizat Hamid | 019 - 510 0075 |
| Saiful Azwan Abd. Malik | 016 - 463 2787 |
| Shahrudin Mohamed Shariff | 012 - 428 3160 |
| Shung Yin Ni | 012 - 413 9246 |
| Tan Hooi Peng | 012 - 498 6212 |
| Tan Seng Keat | 012 - 438 6191 |
| Theng Jie Wey | 016 - 418 7108 |
| Vino Dini a/p Chandragason Pitchy | 016 - 439 9358 |
| Wong Yuee Harng | 016 - 439 9121 |


## SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI
SUNARTI YUSOFF

**Jurugambar/Juruvideo:**
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA MOHD. DAUD
ALVIE CHENG CHIN WEI
NOOR SITI NABILAH NOORAZIS
CHAN KOK KUAN
ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI

**Jurugrafik:**
IDZHAM AHMAD
NUR AFIQAH ZAINUDI



Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com



Layari
www.buletinmutiara.com
buletinmutiara | ChowKonYeow
chowkonyeow
@chowkonyeow

# Perkhidmatan feri perlu penambahbaikan demi keselesaan, imej Negeri

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **CHAN KOK KUAN**

**PERKHIDMATAN** Feri Pulau Pinang yang beroperasi sejak 1894 menerima ribuan penumpang setiap hari.

Selain menjadi pengangkutan awam yang popular, perkhidmatan feri tertua di Malaysia itu juga terkenal sebagai salah satu daya tarikan pelancong di negeri ini.

Perkhidmatan feri dilihat menjadi antara pilihan pengangkutan utama bagi pelbagai lapisan masyarakat di negeri ini sama ada mereka yang bekerja, para pelajar, warga emas termasuk pelancong dari dalam dan luar negeri untuk menyeberangi lautan dari George Town (Terminal Feri Pangkalan Raja Tun Uda) ke Butterworth (Terminal Feri Pangkalan Sultan Abdul Halim) dan begitu juga sebaliknya.

Sungguhpun bagi sesetengah individu, penggunaan perkhidmatan feri mungkin merupakan suatu rutin, namun ia boleh menjadi perjalanan 'sekali seumur hidup' bagi sesetengah yang lain.

Baru-baru ini, Buletin Mutiara berkesempatan menjalankan tinjauan di Terminal Feri Pangkalan Raja Tun Uda bagi mendapatkan pandangan lebih jelas mengenai pengalaman penumpang ketika menggunakan perkhidmatan feri Pulau Pinang.



MOHD. Yusnizam Che Ani.

Bagi **MOHD. YUSNIZAM CHE ANI**, 25, seorang inspektor *scaffolding* dekat Terengganu yang berasal dari Pendang, Kedah menyatakan rasa gembira terhadap mutu perkhidmatan feri tetapi menyarankan pihak berkaitan supaya menambah baik ciri-ciri keselamatan.

"Secara keseluruhan, saya gembira dengan perkhidmatan feri (Pulau Pinang) kecuali tempat duduk yang dirasakan agak kurang selesa.

"Sekiranya mereka sediakan kerusi berkusyen, saya fikir ia akan memberikan perjalanan yang lebih selesa.

"Saya juga merasakan bahawa laluan yang penumpang gunakan untuk memasuki feri boleh dipertingkatkan dengan ciri-ciri keselamatan," katanya.



NURUL Farhanah.

**NURUL FARHANAH**, 20, dari Jawi dan sedang mengikuti pengajian di Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI) pula berpendapat bahawa laluan pejalan kaki di Terminal Feri Pangkalan Raja Tun Uda perlu dinaik taraf agar lebih selesa.

"Feri tiba tepat pada waktunya, dan ia memudahkan saya untuk melancong.

"Mungkin, laluan pejalan kaki ke kawasan menunggu boleh dinaik taraf kepada persekitaran yang kondusif seperti memasang kipas siling," ulasnya.



M. Govindasamy.

Nada sama diutarakan pemandu teksi, **M. GOVINDASAMY**, 60, yang menyatakan bahawa laluan pejalan kaki di Terminal Feri Pangkalan Raja Tun Uda adalah agak curam dan tidak mesra warga emas.

"Adalah lebih baik sekiranya eskalator disediakan kerana laluan ini (pejalan kaki) curam dan menjadikannya sukar dan meletihkan untuk orang tua seperti saya," sarannya.



NURUL Fatihah Izzati Abdul Raof.



SALAH sebuah feri yang dirakam lensa Buletin Mutiara.

Dalam pada itu, pelajar *Stradford College*, **NURUL FATIHAH IZZATI RAOF**, 17, dari Jelutong menyarankan agar pihak pengendali feri berusaha mengatasi masalah kesesakan di ruang menunggu terutamanya pada waktu puncak.

"Pada waktu puncak antara pukul 4 hingga 5 petang, lebih ramai penumpang akan menaiki feri sekaligus menjadikan seluruh ruang menunggu terlalu sesak," jelasnya.



NYANAMANI Lazarus.

Bagi **NYANAMANI LAZARUS**, 39, seorang suri rumah dari Butterworth pula mencadangkan kepada pihak pengendali supaya menyediakan gerai jualan makanan di dalam feri.

"Saya fikir adalah sangat menyeronokkan sekiranya terdapat gerai makanan di atas feri yang menjual makanan ringan seperti karipap, kuih dan banyak lagi. Orang dewasa dan pelajar tentu akan menyukainya," katanya.



JANE Foo Pui Yee.

**JANE FOO PUI YEE**, 26, pekerja swasta pula memuji langkah pihak pengendali feri yang mengenakan jumlah tambang berpatutan kepada penumpang.

"Saya rasa tambang feri sangat munasabah.

"Kekerapan perjalanan masih boleh ditingkatkan sekiranya mereka menyediakan lebih banyak feri. Selain itu, kami juga memerlukan lebih banyak tempat duduk di dalam feri," ujarnya.

Dalam pada itu, pelajar kolej, **LEE CHONG WEI**, 22, pula menyarankan agar paparan masa bagi perjalanan dan ketibaan feri dikemas kini dari semasa ke semasa demi memudahkan para penumpang.

"Kadangkala terdapat kelewatan (perjalanan feri), tetapi ia tidak muncul di paparan skrin.

"Oleh itu, penumpang perlu menunggu tanpa mengetahui bahawa terdapat kelewatan, dan perkara ini agak mengecewakan," katanya.



LEE Chong Wei (kiri) dan rakannya.

*(Sambungan dari muka 1.)*

# Hutan Simpan Ulu Muda, harus dipelihara dan dijaga sebaik-baiknya



**SEKUMPULAN gajah liar yang ditemui di sekitar Kuala Jawa berhampiran Lubuk Petai di Ulu Muda.**

Menurut beliau, pandangan dan seruan suara tersebut turut dikongsi oleh majoriti 85 peserta yang mengambil bahagian dalam dua bengkel yang dijalankan oleh WWP pada tahun ini berhubung hala tuju serta visi perlindungan HSUM yang masing-masingnya dijalankan di Pulau Pinang dan Alor Setar.

"Jika HSUM diwartakan sebagai Rizab Hutan sahaja, perwartaan itu dengan mudah ditarik balik oleh Mesyuarat Exco Negeri berbanding mewartakannya sebagai Taman Negeri.

"Sebagai Taman Negeri, ia tidak mudah dan sewenang-wenangnya untuk ditarik balik kerana memerlukan perbincangan serta pertimbangan orang ramai melalui forum awam yang diadakan," jelasnya.

Mengulas lanjut, Ngai Weng menyatakan bahawa pembalakan yang tidak terancang adalah sia-sia kerana ia bakal memberikan impak buruk kepada perubahan iklim.

"Pokok-pokok ini adalah satu anugerah buat kita semua, ia membantu untuk mengawal pemanasan global, menukar karbon dioksida menjadi oksigen melalui proses fotosintesis… bayangkan jika mereka ditarah, dipotong, semua karbon yang disimpan di dalam tisu akan meruap ke udara, dan ini memberikan kesan buruk kepada manusia.

"Jika hutan-hutan ini dimusnahkan, banjir besar mungkin berlaku, pokok-pokok tidak lagi dapat menampung air hujan. Perhatian segera perlu diberi bagi memulihkan kemusnahan yang telah dilakukan dan menghentikan segala aktiviti yang boleh mengancam kemusnahan kawasan Ulu Muda sekaligus mewartakan HSUM sebagai Taman Negeri," tegas beliau.

Manakala, menurut salah seorang penduduk tempatan yang juga pengemudi sampan, **ZAINUDDIN ABBAS**, 55, atau lebih mesra disapa sebagai Pak Din melontarkan rasa terkilan apabila HSUM yang dulunya hijau kini telah banyak berubah dan turut memberi kesan kepada kualiti air sungai yang menyambung terus ke Empangan Muda.



**ZAINUDDIN Abbas atau Pak Din.**

"Dulunya Sungai Muda ini cantik banyak alurnya… tapi sekarang bila pembalakan mula berlaku, sungai ini menjadi semakin cetek sebab sisa-sisa tanah dan pasir melimpah jatuh ke dalam sungai.

"Bukan sahaja air (sungai) menjadi semakin keruh, tetapi juga menyukarkan kami untuk mengemudi sampan, adakalanya kami terpaksa turun dan tolak sampan yang tersangkut di pasir," katanya kepada Buletin Mutiara.

Seingat Pak Din, aktiviti pembalakan mula berlaku selepas empangan tersebut dibuka kepada orang ramai kira-kira 20 tahun lalu.

"Dulunya agak susah untuk akses masuk ke kawasan ini, ia dikawal ketat dan memerlukan permit untuk masuk. Tapi selepas balak diambil, binatang di sini juga banyak yang pupus, mungkin juga mereka berhijrah ke tempat lain atau diburu oleh pemburu haram," luahnya lanjut sebagai anak jati di kawasan tersebut.

### Cadangan jangka panjang

Mengulas mengenai kepentingan kelestarian sumber air bagi tempoh jangka panjang, Ngai Weng memberitahu bahawa WWP menyokong kenaikan tarif air di Pulau Pinang memandangkan negeri ini mengenakan tarif air paling murah di Malaysia tetapi mencatat penggunaan tertinggi perkapita sehari di dalam negara.

"Secara puratanya, warga Pulau Pinang menggunakan air kira-kira 291 liter setiap orang, manakala purata negara (220 liter) dan Singapura (150 liter) sahaja kerana air di sana (Singapura) sangat tinggi dan orang ramai sangat peka.

"Setiap penggunaan isi rumah hendaklah kurang daripada 20 meter padu sebulan, jadi, kami mencadangkan tarif air tetap untuk mereka yang menggunakan di bawah 20 meter padu, tetapi sekali ganda harga untuk penggunaan 21 hingga 30 meter padu dan dua kali ganda harga (31 hingga 40 meter padu ke atas)," cadang beliau.

Pendapat sama turut dikongsi Ketua Pegawai Eksekutif Earth Lodge, Hymeir Kamarudin bahawa beliau tidak kisah sekiranya Kerajaan Negeri (Pulau Pinang) menaikkan sedikit tarif air.

"Saya tidak kisah jika tarif air dinaikkan sedikit, secara ironinya ia terlalu rendah dan tak munasabah saya hanya perlu membayar dalam RM15 hingga RM20 untuk dua bulan penggunaan air," ujarnya.

Selain itu, Hymeir menyatakan bahawa untuk melindungi HSUM, terdapat dana antarabangsa yang dikenali sebagai *Carbon Credit* yang boleh diperoleh bagi perlindungan hutan untuk menangani perubahan iklim serta memulihara biodiversiti.



**HYMEIR Kamarudin.**

"Untuk pendapatan yang lebih mampan, mungkin Kerajaan Persekutuan boleh membantu Kerajaan Negeri Kedah memohon dan memperoleh dana ini kerana lazimnya ia melibatkan *G to G Arrangement* (persetujuan Kerajaan dengan Kerajaan).

"Seperti Indonesia yang memperoleh 1 bilion dolar dari negara Finland hanya untuk melindungi hutan di sana," jelasnya.

### Kepelbagaian flora, fauna dan biodiversiti

Selain sebagai sumber tadahan air, HSUM juga berpotensi sebagai destinasi ekopelancongan negara menandingi Hutan Belum di Perak dan Taman Negara, Pahang.

Difahamkan, terdapat 117 mamalia direkodkan di Ulu Muda termasuk spesies terancam seperti harimau, *marbled cat* dan tapir. Ia juga menjadi habitat kepada lebih 170 spesies burung dan antara yang menjadi tarikan ialah semua 10 spesies burung enggang terdapat di sini berbanding di Sarawak hanya lapan.

Selain haiwan terestrial (daratan), ikan dalam empangan dan sungai juga menarik perhatian pemancing, malah madu lebah jenis tualang sudah lama menjadi ikon kepada Hutan Pedu dan Ulu Muda.

Tidak terkecuali, HSUM juga mempunyai lebih daripada 10 kawasan sira gajah iaitu kawasan air panas mineral yang menjadi tempat gajah berkubang dan makan. Wakil-wakil media amat bernasib baik apabila terserempak dengan dua kumpulan gajah liar di tebing Sungai Muda.

Menurut Pakar Sains Alam Sekitar dan Geografi Universiti Nottingham-Malaysia yang juga Prinsipal MEME, Prof. Dr. Ahimsa Campos Arceiz, gajah di HSUM memainkan peranan penting kepada ekosistem hutan berkenaan.

"Hanya terdapat tiga spesies gajah di dunia iaitu gajah Asia, gajah Afrika dan gajah Savana Afrika.

"Di kawasan Semenanjung, boleh dikatakan kawasan ini (HSUM) adalah tempat terbaik untuk melihat gajah liar yang sentiasa bergerak di dalam habitat semula jadi mereka," ulasnya sambil memaklumkan bahawa terdapat sejumlah 1,500 ekor gajah di kawasan Semenanjung Malaysia.




**PROF. Dr. Ahimsa Campos Arceiz.**



**KEINDAHAN serta kedamaian alam di HSUM.**



**SALAH seorang penyelidik sedang memeriksa najis gajah.**

# Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim, responden berbelah bagi

Teks & Gambar : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN -** Pengumuman Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali mengenai kelulusan RM1.6 bilion peruntukan bagi pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim menggamit reaksi banyak pihak.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, pentadbirannya kekal dengan pendirian iaitu Kerajaan Pusat wajar membuat kajian kebolehlaksanaan terlebih dahulu, sebelum melaksanakan projek Persekutuan itu, demi memastikan kepentingan ekonomi serta penduduk Pulau Pinang tidak terjejas, kelak.

Lagi pun, katanya, beberapa pihak berkepentingan termasuk ahli perniagaan turut mempersoalkan kewajaran cadangan membina Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim, kerana jarak dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) dekat Bayan Lepas adalah kira-kira 50 kilometer (km) sahaja.




RUANG ketibaan PIA.



MOHD. Yusfizal Yusoff.

**MOHD. YUSFIZAL YUSOFF**, 37, seorang guru di Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai Nibong ketika dihubungi mengaku bahawa beliau sendiri berbelah-bahagi dengan cadangan pemajuan projek Persekutuan itu.

Mohd. Yusfizal tinggal di Kampung Tanjung Putus dekat Permatang Pasir. Hari-hari beliau memilih menunggang motosikal demi mengelak trafik yang sesak teruk pada waktu puncak.

Pun begitu, menurutnya, mereka yang hendak terbang dari PIA sepatutnya lebih cermat mengatur masa perjalanan untuk mengelak terlepas pesawat.

"Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi ada kerana terdapat pelbagai destinasi pelancongan menarik untuk sebab kita terbang di sana, sementara, Lapangan Terbang Kepala Batas pula untuk penumpang dari utara termasuk negeri Perlis.

"Isu trafik masuk ke pulau sesak tidak timbul kerana lazimnya kita lebih waspada dengan masa dan keluar rumah lebih awal untuk terbang dari PIA.

"Kalau tanya orang dari tanah besar (Seberang Perai), mungkin dia akan anggap lebih dekat kalau terbang dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim, tapi lapangan terbang itu tentunya akan menjejaskan kepentingan PIA secara umumnya," ujar beliau kepada Buletin Mutiara.



MUHAMMAD Limran Zainal Abidin.

Bagi **KAMARUL AZIZI AHMAD**, 50-an, seorang ahli perniagaan dari Bukit Mertajam menyatakan bahawa beliau sendiri tertanya-tanya sama ada lapangan terbang yang akan dibina di Kulim untuk kargo sahaja ataupun termasuk terminal penumpang.

"Di Kulim itu kalau sekadar nak eksport panel solar, barang itu murah dan memadai eksport pakai kapal daripada (pelabuhan) Butterworth, kalau cip-cip yang mahal banyak kilang di (Zon Perindustrian) Bayan Lepas yang memang wajar dieksport pakai pesawat.

"Saya sendiri tak pasti, pendapat yang bagaimana patut dikongsi, kerana Menteri Besar Kedah (Datuk Seri Mukhriz Mahathir) kata itu lapangan terbang kargo sahaja, tapi Menteri (Mohamed Azmin) kata lapangan terbang antarabangsa untuk penumpang," jelasnya sambil memberitahu rata-rata pihak lebih mengambil sikap 'tunggu dan lihat'.

Nada yang sama turut dikongsi **NURUL ASHIKIN SAAD**, 29, seorang pekerja swasta.

Katanya, untuk terbang ke PIA, beliau ada pelbagai sebab kerana di bahagian pulau terdapat begitu banyak kawasan pelancongan menarik seperti Bukit Bendera dan Tapak Warisan Dunia George Town.

"Tapi, saya memang tak ada idea untuk pengunjung tempatan mahupun antarabangsa untuk terbang ke (Lapangan Terbang Antarabangsa) Kulim, kelak," ulas beliau.

**MUHAMMAD LIMRAN ZAINAL ABDIN**, 36, pengurus pemasaran dalam talian memberitahu bahawa selagi cadangan pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim tidak menjejaskan kepentingan ekonomi dan penduduk Pulau Pinang, projek Persekutuan itu wajar disambut oleh semua pihak.

"Pertumbuhan ekonomi tentu akan berlaku apabila ada projek Persekutuan dibuat di Kulim, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi Kedah turut meningkat dengan adanya RM1.6 bilion projek ini.

"Namun, projek ini tidak boleh sampai menjejas kepentingan ekonomi secara keseluruhan di utara Semenanjung Malaysia, terutama Pulau Pinang.

"Kalau dengan adanya Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim, menjejaskan PIA, itu sangat tidak wajar, dan sebab itu banyak pihak bertanya lapangan terbang di Kulim itu kargo sahaja atau termasuk penumpang," jelasnya.

**ABDUL JALIL ABDUL RAHMAN**, 60-an, bekas kakitangan kerajaan serta anak jati Bagan Luar berkata, cadangan membina Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim jangan sampai menjejaskan penduduk setempat di kawasan berkenaan.

"Kalau jadi nak membina lapangan terbang di Kulim, tentu melibatkan suatu kawasan tanah yang luas.

"Kalau membabitkan pengambilan tanah rakyat, tentu akan melibatkan pemindahan atau pengusiran secara paksa.

"Ini, juga suatu aspek yang Kerajaan Pusat kena lihat, ada kesan berantai yang lain daripada impak sosial, walaupun daripada segi ekonomi mungkin 'menguntungkan' Kerajaan Negeri Kedah.

"Kerajaan Pusat memang patut buat Kajian Kebolehlaksanaan supaya aspek-aspek seperti ini juga turut diambil kira, supaya satu-satu projek yang Kerajaan Pusat nak buat, tidak kiralah lapangan terbang atau apa pun, ia memang saling menjamin kepentingan ekonomi dan rakyat secara keseluruhan," katanya sambil menyokong hasrat Kerajaan Pusat memperbesar PIA.

# PERTANDINGAN MELUKIS POSTER BERTEMAKAN:

## "Penang2030: Negeri Pintar, Hijau Dan Berteraskan Keluarga Yang Menginspirasikan Negara"

PENANG 2030

HADIAH UTAMA RM500

1. Penyertaan terbuka kepada mereka yang berusia 13 tahun dan ke atas.
2. Bebas menggunakan sebarang jenis bahan mewarna.
3. Saiz kertas lukisan adalah A3 (29.7 cm x 24 cm).
4. Lukisan grafik dan adaptasi menggunakan komputer adalah tidak dibenarkan.
5. Lukisan dan idea adalah hasil ciptaan sendiri.
6. Setiap set penyertaan perlu bertemakan 'PENANG2030: NEGERI PINTAR, HIJAU DAN BERTERASKAN KELUARGA YANG MENGINSPIRASIKAN NEGARA' dengan logo 'Penang2030'.
7. Borang butiran maklumat peribadi peserta perlu ditampal di bahagian belakang karya.
8. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
9. Semua karya adalah milik penganjur.
10. Tarikh tutup penyertaan, 31 Mei 2019.

**Sila isi butiran berikut:**

Nama : ..........................................

No.Kad Pengenalan : ..........................................

Alamat : ..........................................

No. Telefon : (Rumah) .................... (Bimbit) ....................

Emel: ..........................................

*Pastikan semua butiran diisi dengan langkap.*

# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 11103
Peminjam : SITI HAJAR BINTI JASAT - 89103107****
NO.6009 KAMPUNG KOTA, PERMATANG PASIR 13500 PERMATANG PAUH
Penjamin 1 : JASAT BIN RAMLI - 46081607****
NO.6009 KAMPUNG KOTA, PERMATANG PASIR 13500 PERMATANG PAUH
Penjamin 2 : KHAIROL NIZAR BIN JASAT - 83022107****
NO.6009 KAMPUNG KOTA, PERMATANG PASIR 13500 PERMATANG PAUH

No Akaun : 11109
Peminjam : TANG MEI CHENG - 86041535****
2-16-6 LINTANG KAMPUNG MELAYU 2, BANDAR BARU AIR ITAM 11500 PULAU PINANG
Penjamin 1 : LIM BENG HUAT@LAM BENG HUAT - 37021707****
H04 TAMAN FREE SCHOOL 10460 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 2 : LEONG HIP@LEONG YIP CHEONG - 43082607****
NO.50 TAMAN PERAK 10150 GEORGETOWN, PULAU PINANG

No Akaun : 11118
Peminjam : CHUANG KOK HOW - 87061307****
NO. 35 TINGKAT SUNGAI ARA 2, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 1 : CHUANG AH CHOONG - 55120907****
NO. 35 TINGKAT SUNGAI ARA 2, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2 : CHUANG GAIK YAP - 81082507****
NO.35 TINGKAT SUNGAI ARA 2, 11900 BAYAN LEPAS , PULAU PINANG

No Akaun : 11120
Peminjam : MOHD KHAIRI BIN SHAARI - 80050907****
8A2-T05-U02 FASA 8, PRESINT 9, 62250 PUTRAJAYA
Penjamin 1 : ROZAINI BINTI SHAARI - 78071308****
NO. 2669 MUKIM 7, PERMATANG RAWA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : SHAARI BIN SALLEH - 53080607****
NO. 2669 MUKIM 7 , PERMATANG RAWA 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 11121
Peminjam : SUHANI BINTI MD NOOR - 84051402****
3183 JALAN TUN HUSSEIN ONN, SEBERANG JAYA 13700 PERAI
Penjamin 1 : MOHD SUHAIMI BIN MD NOOR - 75071802****
NO. 43 LORONG PAYA KELADI 3, TAMAN PAYA KELADI 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : MOHD SUKRI BIN MD NOOR - 71081602****
3183 JALAN TUN HUSSEIN ONN 13700 SEBERANG JAYA

No Akaun : 11122
Peminjam : NORLIZAM BIN NORDIN - 73021107****
NO. 3 JALAN PEKAKA 2, TAMAN PEKAKA, SUNGAI DUA 11700 GELUGOR, PULAU PINANG
Penjamin 1 : HASFIZANI BINTI HAJI ARIFFIN - 75101102****
NO. 90 TAMAN CEMPAKA 09000 KULIM, KEDAH
Penjamin 2 : MOHAMAD FIRDAUS BIN SAAD - 81012107****
1-3-6 JALAN PEKAKA 2 , TAMAN PEKAKA, SUNGAI DUA 11700 GELUGOR, PULAU PINANG

No Akaun : 11124
Peminjam : MUHAMMAD NAIM BIN ABD SHUKOR - 83102307****
NO. 2652 MUKIM 5, BUKIT INDRA MUDA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : MUHAMMAD NIZAM BIN ABDUL SHUKOR - 78030302****
2652 MUKIM 5, BUKIT INDRA MUDA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : ARYANI FAZALIZA BINTI MOHD ALI - 80083007****
5 TINGKAT DAMAI 1, TAMAN PERMATA 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 11125
Peminjam : NURZALILA BINTI RAZALI - 87022735****
3-3-15 FLAT SERI DELIMA, LINTANG BAYAN 8, SUNGAI ARA 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : SUKIMAN BIN UNTONG - 58122307****
435 BLOK H MK 12 JALAN BHARU, BATU MAUNG, BAYAN LEPAS 11960 PULAU PINANG
Penjamin 2 : MOHD SAPARI BIN ABD MAJID - 80011107****
435 BLOK H MK 12 JALAN BHARU, BATU MAUNG, BAYAN LEPAS 11960 PULAU PINANG

No Akaun : 11129
Peminjam : MOHAMMED KHAIRUL FAREEZ BIN HANAFI - 83081807****
NO. 11 LORONG RAJAWALI 13, TAMAN BERJAYA 14300 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 1 : NORAZURA BINTI MOHAMED MOKHTAR - 73010508****
NO. 40 JALAN SEPAKAT, TAMAN RAPAT INDAH 31350 IPOH, PERAK
Penjamin 2 : MOHD NAZRUL HALIM BIN GHAZALI - 83052606****
KAMPUNG GUA, PADANG TENGKU, 27100 PAHANG

No Akaun : 11130
Peminjam : SITI NUR SOLEHA BINTI SAFIAN - 88072407****
34 TINGKAT PASIR BELANDA 7, TELUK KUMBAR 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : SITI NUR KHADIJAH BINTI SAFIAN - 79052707****
34 TINGKAT PASIR BELANDA 7, 11920 TELUK KUMBAR, PULAU PINANG
Penjamin 2 : SAFIAN BIN MOHAMED HANIF - (MENINGGAL DUNIA)
34 TINGKAT PASIR BELANDA 7, 11920 TELUK KUMBAR, PULAU PINANG

No Akaun : 11134
Peminjam : HALIMA SAKDIYA BINTI PAKIR MYDIN - 85081407****
BLOK 399-4-2, TAMAN DATO SYED ABBAS , JALAN JELUTONG 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : SHARIFFA BINTI PAKIR MYDIN - (MENINGGAL DUNIA)
BLOK 56-10-01 JALAN SLIM 11600 JELUTONG, PULAU PINANG
Penjamin 2 : AHMAD JAMIL BIN S A ABDULLAH - 64020607****
115-09-10 KOMPLEKS JALAN KEDAH 10050 GEORGETOWN, PULAU PINANG

No Akaun : 11136
Peminjam : MOHD ILIYAS BIN IBRAHIM - 85032507****
9 TINGKAT PERWIRA 1, TAMAN WIRA, TELOK AIR TAWAR 13050 BUTTERWORTH,
Penjamin 1 : AMNAH BINTI SAAD - 60081202****
F 461 KAMPUNG BERAPIT, TIKAM BATU, SUNGAI PETANI 08600 KEDAH
Penjamin 2 : ZAINAB BINTI SAAD - 68033102****
F 461 KAMPUNG BERAPIT, TIKAM BATU, SUNGAI PETANI 08600 KEDAH

No Akaun : 11137
Peminjam : MOHD IDHAM BIN MOHD SHARIF - 84080208****
2207 JALAN HARAPAN 2, TAMAN HARAPAN 14300 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 1 : MOHD SHARIF BIN ARIFIN - 53061108****
2207 JALAN HARAPAN 2, TAMAN HARAPAN 14300 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 2 : MOHD HAFIZURRAHMAN BIN MOHD SHARIF - 82052407****
2207 JALAN HARAPAN 2, TAMAN HARAPAN 14300 NIBONG TEBAL, SPS

No Akaun : 11142
Peminjam : NURUL FITRIYAH BINTI MD RADI - 83071207****
5096 MK 3, KAMPUNG PETANI 14400 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : CHE EMBON BINTI YUSUF - 52022407****
5096 MUKIM 3, KAMPUNG PETANI 14400 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : ZAWIAH BINTI MAT ZAIN - 67062602****
811 MUKIM 3, KAMPUNG PETANI 14400 BUKIT MERTAJAM

# Inisiatif khas pasang CCTV jayakan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca

Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**BERAPIT –** Sebanyak 395,878.3 kilogram (kg) barangan boleh dikitar semula berjaya dikutip Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sejak pelaksanaan program Pengasingan Sisa Di Punca mulai 1 Jun 2016 sehingga 28 Februari lalu.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata, jumlah tersebut adalah bersamaan dengan RM94,497.50 telah berjaya dikumpul oleh kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT) terbabit.

"Daripada jumlah itu, sebanyak 75,309kg atau bersamaan RM25,297.72 hasil dikutip oleh MBPP, manakala 320,568.4kg atau RM69,199.78 (MPSP)," katanya pada sidang media semasa meninjau tapak program Pengasingan Sisa Di Punca dekat Pangsapuri Seri Jaya dekat sini 11 Mac lalu.

Turut serta, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Berapit, Heng Lee Lee; Setiausaha Bandaraya MBPP, Ir. Addnan Mohd. Razali; Setiausaha Perbandaran MPSP, Ir. Rosnani Mahmod; Ahli Majlis Bagi MPSP, Chew Eng Seng; Pengurus Pangsapuri Seri Jaya, G. Jothi Jhen Hao serta komuniti setempat.




**JAGDEEP Singh Deo (berkemeja putih), Heng Lee Lee (berbaju perang),wakil-wakil MBPP dan MPSP, ahli jawatankuasa setempat serta para penduduk menunjukkan tanda bagus ekoran inisiatif khas yang diambil bagi menjayakan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca dekat sini baru-baru ini.**

Mengulas lanjut, Jagdeep yang juga ADUN Datuk Keramat memberitahu bahawa sebanyak 735 kompaun telah dikeluarkan oleh kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan dengan masing-masingnya sebanyak 91 kompaun bagi MBPP dan MPSP (644) berkaitan kesalahan melibatkan penguatkuasaan berkaitan dalam tempoh masa sama.

"Jumlah kompaun ini dikeluarkan selepas kedua-kedua PBT menyerahkan notis ekoran pemeriksaan ke atas kediaman bertanah, kediaman bertingkat dan premis komersial," katanya.

Dalam pada itu, Jagdeep turut memuji inisiatif dilaksanakan Jawatankuasa Pengurusan Pangsapuri Seri Jaya dengan memasang sendiri kamera litar tertutup (CCTV) di tempat pembuangan sampah pangsapuri berkenaan.

"Saya gembira kerana adanya inisiatif sendiri oleh pihak pengurusan dengan meletakkan CCTV di bilik sampah dengan tujuan untuk membuat pemerhatian terhadap mana-mana penduduk yang tidak memberikan kerjasama dalam menjayakan polisi Kerajaan Negeri.

"Ini sesuatu yang inovatif serta boleh dicontohi oleh pengurusan-pengurusan pangsapuri lain di negeri ini," serunya.

# Holiday Inn Juru Sentral bakal beri impak positif kepada Seberang Perai

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Pembukaan Hotel Holiday Inn & Suites dijangka menyediakan 500 peluang pekerjaan kepada penduduk setempat.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow ketika mengumumkan pembukaan hotel antarabangsa pertama di Seberang Perai tersebut berkata, ia mampu memberikan impak positif kepada ekonomi negeri terutamanya di kawasan berkaitan.

"Kita (Kerajaan Negeri) sering kali menegaskan bahawa masa depan Pulau Pinang terletak di Seberang Perai, yang mana ia merupakan kawasan era pertumbuhan baharu dengan peningkatan projek perumahan dan komersial.

"Hakikatnya, pembangunan ini membuka peluang pertumbuhan yang luas untuk ekonomi sekaligus menjana pendapatan buat negeri melalui sektor pelancongan serta industri perhubungan, insentif, persidangan dan juga pameran (MICE)," ujarnya yang merupakan Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi pada sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin; Soon Lip Chee (Exco Belia dan Sukan); Heng Lee Lee (ADUN Berapit); Ng Kock Leong (Pengarah Urusan Exopuri); Serena Lim (Timbalan Presiden (Pembangunan) IHG bagi Asia Tenggara dan Korea) serta Baharudin Majid (Ketua Perbankan Perniagaan Bank Pembangunan Malaysia Bhd. (BPKM).

Terdahulu, pada majlis sama, *Exopuri Group of Companies* dengan kerjasama *InterContinental Hotel Group* (IHG) mengumumkan pembangunan Hotel Holiday Inn & Suites yang dikenali sebagai Holiday Inn Juru Sentral.

Hotel berasaskan perniagaan bertaraf empat bintang tersebut yang dibangunkan dengan nilai pembangunan kasar sebanyak RM280 juta terdiri daripada bangunan 35 tingkat dengan dilengkapi 288 kemudahan bilik.

Difahamkan, pembukaan hotel dijadualkan pada suku keempat tahun 2021.



**ILUSTRASI grafik reka bentuk lakaran Hotel Holiday Inn Juru Sentral.**



# MBPP sasar 80 sekolah sertai Anugerah Sekolah Hijau 2019

Gambar : **CHAN KOK KUAN**

**GEORGE TOWN -** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) yakin Anugerah Sekolah Hijau 2019 bakal memperoleh lebih 80 penyertaan.

Pengarah Perkhidmatan Pengurusan MBPP, Mohamed Akbar Mustapha memberitahu bahawa sejak anugerah berkaitan diperkenalkan, ia umumnya memperoleh sambutan yang menggalakkan.

"Program Sekolah Hijau Pulau Pinang telah dilancarkan pada tahun 2010.

"Pada masa itu, hanya 24 sekolah mengambil bahagian dan bersaing untuk Anugerah Sekolah Hijau Pulau Pinang. Jumlah penyertaan telah meningkat kepada 50 (penyertaan) pada tahun lepas (2018).

"Kami mahu mereka mengambil langkah-langkah proaktif, seperti mengamalkan kitar semula, untuk melindungi alam sekitar.

"Justeru, kami berharap dapat menerima 80 penyertaan daripada pihak sekolah tahun ini," ucapnya mewakili Datuk Bandar MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang pada Majlis Pelancaran Anugerah Sekolah Hijau Peringkat Bahagian Pulau, Pulau Pinang di sini 15 Mac lalu.

Mohamed Akbar dalam pada itu turut merakamkan penghargaan kepada Yayasan Mah Sing kerana menaja RM60,000 untuk penganjuran anugerah pada kali ini.

Turut hadir, wakil daripada Jabatan Pendidikan Negeri, Mohd. Faisol Abu Bakar; wakil Jabatan Alam Sekitar (JAS), Zulkifli Mat; Pengurus Besar Kanan Yayasan Mah Sing, Lai Kok Soon; Penasihat Persatuan Alam Semulajadi Malaysia (MNS), D. Kanda Kumar dan wakil *Penang Green Council* (PGC), R. Renuka.



**MOHAMED Akbar Mustapha (barisan pertama, berkemeja biru) bergambar kenangan bersama-sama barisan penaja, ahli jawatankuasa penganjur, wakil-wakil sekolah serta para pelajar pada Majlis Pelancaran Anugerah Sekolah Hijau Peringkat Bahagian Pulau Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

## Jom sertai Anugerah Sekolah Hijau!

**SEBERANG JAYA –** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) membuka peluang kepada sekolah-sekolah yang berminat untuk menyertai Program Sekolah Hijau Cemerlang Negeri Pulau Pinang 2019.

Setiausaha Perbandaran MPSP, Ir. Rosnani Mahmod berkata, program yang berbentuk pertandingan itu dianjurkan bersama-sama *Continental Automotive Components Malaysia Sdn. Bhd.* (Continental) dan terbuka kepada semua sekolah di sini.

"Sekolah yang menjuarai pertandingan tersebut akan menerima Anugerah Sekolah Hijau 2019 yang akan berlangsung pada bulan November nanti.

"Anugerah yang memasuki edisi ke-10 itu adalah sejajar dengan Pelan Strategi Seberang Perai 2018 – 2022 yang menetapkan sasaran Seberang Perai sebagai sebuah bandar rendah karbon dan pintar.

"Justeru, gunalah peluang menyertai pertandingan ini untuk melihat sendiri amalan terbaik yang boleh dilaksanakan di sekolah masing-masing," ucapnya pada pelancaran Anugerah Sekolah Hijau 2019 dekat sini baru-baru ini.

Pertandingan yang mengetengahkan amalan *Smart Consumption* iaitu *Rethink, Refuse, Reuse, Reduce, Regift, Recover, Repair* dan *Recycle* tersebut juga akan mengambil kira lain-lain kriteria.

"Antaranya, penjimatan tenaga, penjimatan air, amalan kitar semula, pengkomposan dan tidak menggunakan *single use plastic* pakai buangan.

"Selain itu, kreativiti dan penglibatan peserta bersama-sama komuniti turut akan menentukan pemenang kelak," ujarnya.

Difahamkan, pada tahun 2010, hanya 30 sekolah menyertai pertandingan berkaitan dan bilangannya meningkat saban tahun dengan jumlah terkini adalah 45 sekolah menengah dan 117 sekolah rendah.

Maklumat lanjut, sila layari *http://www.pgc.com.my/sekolah-hijau*.




# Anak jati ukir sejarah, rangkul dua emas di pentas Muay Thai dunia

Oleh : **SITI HUMAIRA MOHAMED YASIN**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BAYAN LEPAS -** Atlet Muay Thai muda yang juga anak jati Pulau Pinang, Muhammad Aliff Mohd. Azizi, tidak menyangka penyertaan sulungnya dalam kejohanan Muay Thai dunia baru-baru ini menjadi detik paling berharga buat dirinya.

Muhammad Aliff, 15, bukan sahaja berjaya mengharumkan nama Malaysia dalam Kejohanan Muay Thai Dunia Ke-16 di Bangkok, Thailand, malah juga berjaya merangkul dua pingat emas dalam pertandingan yang disertai 60 negara.

"Mulanya saya hanya mahu menimba pengalaman bersaing di peringkat dunia, tidak sangka kejuaraan menjadi milik saya.

"Ayah saya menjadi kekuatan kepada saya apabila beliau mengiringi saya ke setiap pertandingan, dan emak sentiasa memberi kata-kata semangat walaupun hanya menyokong dari rumah.

"Begitu juga kepada jurulatih dan pihak-pihak lain yang terlibat sehingga membolehkan saya sampai ke tahap ini," katanya kepada pemberita ketika ditemui di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Muhammad Aliff tiba di Pulau Pinang bersama-sama atlet Muay Thai dari Perlis, Perak dan Kedah dan disambut oleh Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri, Abu Bakar Yahya serta Exco Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang, Soon Lip Chee serta wakil persatuan Muay Thai negeri-negeri berkaitan.

Difahamkan, Muhammad Aliff bersaing dalam Kategori 45 – 48 kilogram dan abangnya, Muhammad Adam Mohd, Azizi, 17, turut membawa pulang satu pingat perak bersaing dalam Kategori Remaja 54 – 57 kilogram.

Bercerita lanjut, Muhammad Aliff memberitahu bahawa pingat emas kedua diraih apabila beliau mendapat cabaran daripada pihak lawan (India) yang tertarik dengan kekuatan fizikal dan taktikalnya.

"Saya dedikasikan kemenangan ini kepada keluarga saya yang banyak memberi dorongan serta sokongan, dan tidak lupa kepada jurulatih yang bertanggungjawab melatih saya," katanya yang merupakan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Telok Air Tawar, Seberang Perai Utara.

Dalam pada itu, Lip Chee ketika ditemui menzahirkan ucapan penghargaan dan tahniah kepada semua sembilan wira Muay Thai yang menyertai pertandingan berprestij bermula 12 hingga 20 Mac lalu.

"Bagi pihak Kerajaan Negeri, saya akan mengadakan perbincangan dengan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang untuk mewujudkan pusat latihan Muay Thai di Titi Mukim, Butterworth, Seberang Perai Utara.



**MUHAMMAD Aliff Mohd. Azizi (kiri) bersama-sama bapa (tengah) serta abangnya masing-masing menunjukkan pingat yang dimenangi sejurus tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

"Saya percaya dengan adanya fasiliti yang bersesuaian ini, ia akan dapat meningkatkan lagi semangat atlet Muay Thai untuk lebih fokus dalam mencipta kejayaan seterusnya pada masa hadapan.

"Diharap dengan kejayaan yang dikecapi ini, dapatlah membuka mata pelbagai pihak untuk bersama-sama Kerajaan Negeri membantu meningkatkan pembangunan sukan Muay Thai di sini," seru beliau.

## MPSP komited pastikan kesaksamaan gender

**BAGAN DALAM –** Temasya Wanita Butterworth anjuran Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) berlangsung meriah dengan diwarnai persembahan kebudayaan tradisional masyarakat tempatan serta pelbagai aktiviti menarik lain.

Program yang dijayakan bersama-sama Think City Sdn. Bhd. (ThinkCity) dan *Zart Eventive* tersebut dirasmikan Pengarah Perkhidmatan Perbandaran MPSP, Mohd. Puad Hamid bertempat di Butterworth Art Walk dekat sini 16 Mac lalu.



**MOHD. Puad Hamid (kiri sekali), Ong Bee Leng (tiga dari kiri) mengadakan lawatan ke salah sebuah gerai pameran yang mengambil bahagian bersempena penganjuran Temasya Wanita Butterworth di sini baru-baru ini.**

Mohd. Puad yang mewakili Yang di-Pertua MPSP berkata, pihaknya begitu komited untuk memastikan kesaksamaan gender dalam setiap pembangunan dilaksanakan agar dapat memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat.

"Sejak tahun 2012, MPSP telah bekerjasama dengan Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) untuk melaksanakan kaedah Bajet Responsif Gender dan Partisipatori (GRPB) bagi memastikan setiap sen wang rakyat yang dibelanjakan adalah berorientasikan rakyat serta memberi manfaat untuk semua lapisan masyarakat.

"Hasil daripada kaedah ini, ia telah berjaya mewujudkan peluang pekerjaan kepada golongan berpendapatan 40 peratus terendah (B40) seperti penganugerahan kontrak pembersihan kepada komuniti di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Ampang Jajar dan Pulau Aman.

"(Dan) sambutan Hari Wanita Sedunia peringkat negeri pada tahun ini bertemakan 'Seimbang untuk Sejahtera' telah menyemarakkan lagi pelaksanaan dasar keterangkuman gender di Pulau Pinang," katanya pada majlis berkaitan.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif PWDC, Ong Bee Leng; wakil kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Dalam, C. Archana; Pengarah Urusan Zart Eventive, Zaini Zainol; wakil-wakil dari Think City Sdn. Bhd. serta ramai lagi.

Dalam pada itu, Bee Leng dalam ucapannya memberitahu bahawa Pulau Pinang merupakan negeri pertama yang menubuhkan Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) dengan melibatkan 40 kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN).

"Baru-baru ini, Kerajaan Negeri melancarkan dua inisiatif baru iaitu Dasar Keterangkuman Gender peringkat pentadbiran yang mana polisi-polisi dan program dilaksana akan merangkumi seluruh rakyat.

"Inisiatif ini wajar dipuji kerana kita sememangnya mahu melihat setiap pelaksanaan dasar dan program adalah perlu melibatkan golongan wanita dan mesra keluarga," jelasnya.

Selain persembahan kebudayaan masyarakat Melayu, India, Cina dan Punjabi, program yang bermula seawal jam 8 pagi hingga 12 tengah malam itu turut dimeriahkan dengan aktiviti untuk kanak-kanak, pameran kraftangan dan lain-lain.

## Aktifkan diri dalam program komuniti setempat, saran ADUN kepada golongan wanita

**SERI DELIMA –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, Syerleena Abdul Rashid menyarankan supaya golongan wanita melibatkan diri secara aktif dalam pelbagai program komuniti yang diusahakan Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) dan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) setempat.

Menurutnya, program komuniti diadakan bukan hanya merapatkan ukhuwah, malah juga memberi peluang mewujudkan sistem sokongan kepada golongan wanita.

"Perlu ada suatu sistem sokongan dalam kalangan wanita kerana ia (sistem sokongan) dapat membantu wanita dalam pelbagai segi antaranya sosial dan aktiviti – aktiviti sihat lain.

"Malah, saya turut menyarankan, khasnya JPWK untuk memperbanyak program-program komuniti yang bukan hanya melibatkan golongan wanita, tetapi juga seisi keluarga.

"Melalui penganjuran program-program komuniti ini, hubungan kekeluargaan dapat dieratkan terutama ketika berhujung minggu," ucapnya pada penutupan sambutan Hari Wanita Sedunia anjuran JPWK Seri Delima di sini 23 Mac lalu.

Selain pertandingan mewarna membabitkan kanak-kanak berusia antara 4 hingga 12 tahun, turut diadakan adalah pemeriksaan tekanan darah dan glukosa secara percuma, perkongsian kesihatan oleh jurucakap *City Wellness Pharmacy*, pendaftaran bagi Program Penghargaan Warga Emas dan senamrobik.



**SYERLEENA Abdul Rashid (barisan pertama, tiga dari kanan) merakam gambar kenangan bersama-sama barisan penganjur, para peserta serta barisan jemputan penganjuran sambutan Hari Wanita Sedunia 2019 di sini baru-baru ini.**

# YDP rakam penghargaan RM87.2 juta hasil kutipan cukai taksiran tertinggi

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**SEBERANG JAYA -** RM87.2 juta hasil cukai taksiran yang berjaya dikutip dalam tempoh 1 Disember 2018 hingga 28 Februari 2019 merupakan rekod kutipan tertinggi bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Bercakap kepada pemberita, Yang di-Pertuanya Dato' Sr. Rozali Mohamud merakamkan penghargaan kepada pasukan pentadbirannya serta pelanggan Seberang Perai atas pencapaian tersebut.

"Jumlah ini merupakan rekod kutipan tertinggi yang telah dicatat berbanding rekod kutipan tahun-tahun sebelumnya," jelasnya dalam sidang media selepas mempengerusikan Majlis Mesyuarat Penuh di Kompleks Ibu Pejabat MPSP dekat sini pada 21 Mac 2019.

Sebelum itu, beliau bersama-sama Setiausaha Perbandaran, Ir. Rosnani Mahmod dan barisan Ahli Majlis MPSP menyempurnakan acara cabutan bertuah sempena program Promosi Cukai Pintu 2019.

"Sebanyak 65 hadiah disediakan bagi kategori bayaran sewa secara talian, agensi, bank atau kiosk, manakala 10 hadiah disediakan bagi kategori bayaran di kaunter-kaunter bayaran MPSP.

"Senarai keseluruhan 75 bakal pemenang akan ditentukan dalam majlis cabutan (bertuah)...(mereka) akan dipanggil dan dijemput untuk hadir ke Majlis Penyampaian Hadiah Cabutan Bertuah yang akan diadakan pada April 2019 bagi menentukan kedudukan hadiah yang bakal dimenangi," ujarnya.

Rozali memberitahu bahawa senarai pemenang boleh disemak melalui laman web MPSP, *www.mpsp.gov.my* mulai 22 Mac 2019.



**SR. Rozali Mohamud menyempurnakan acara cabutan bertuah sempena program Promosi Cukai Pintu 2019 pada sidang media di sini baru-baru ini.**

## Sasar semua pasar awam dan kompleks makanan capai Gred A

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri menetapkan sasaran agar semua pasar awam dan kompleks makanan di negeri ini mencapai gred A dalam tempoh masa setahun.



**JAGDEEP Singh Deo (empat dari kiri) bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri pada sidang media di sini baru-baru ini.**

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata, sasaran itu mampu dicapai memandangkan hampir 96 peratus (53 buah) pasar awam dan 92 peratus (73) kompleks makanan yang dinilai, kini telah mencapai gred A dan B.

"Hasil penilaian sebanyak dua kali oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) terhadap 134 pasar awam dan kompleks makanan di seluruh negeri, hanya empat peratus (dua buah) pasar awam dan lapan peratus (enam) kompleks makanan masih berada di gred C.

"Justeru, satu pelan tindakan telah dirangka bagi pasar awam dan kompleks makanan milik MBPP dan MPSP yang masih berada di gred C untuk mencapai gred A atau B.

"Pelan tindakan ini akan dilaksanakan dalam tiga tempoh masa iaitu untuk jangka masa pendek, jangka masa sederhana dan jangka masa panjang termasuk menaik taraf bangunan secara keseluruhan," katanya pada sidang media di sini 28 Mac lalu.

Turut serta, barisan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN); Datuk Bandar bagi MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang; Setiausaha Bandaraya bagi MBPP, Ir. Addnan Mohd. Razali; Setiausaha Perbandaran MPSP, Ir. Rosnani Mahmod serta wakil-wakil berkaitan.

Jagdeep yang juga ADUN Datuk Keramat turut menyeru syarikat-syarikat swasta terutama pihak pemaju supaya mencontohi inisiatif dilaksanakan Kerajaan Negeri bagi memastikan kebersihan negeri ini berada pada tahap terbaik.

"Saya juga yakin, pihak MBPP dan MPSP akan membantu Kerajaan Negeri untuk merealisasikan harsat menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri pertama mempunyai pasar awam dan kompleks makanan yang mencapai gred A," ulasnya.

Dalam pada itu, Tung Seang menyatakan bahawa pihaknya akan terus berusaha untuk mencapai sasaran ditetapkan Kerajaan Negeri termasuk melaksanakan penyediaan infrastruktur serta fasiliti dekat pasar-pasar awam dan kompleks makanan.

"Kita (MBPP) juga memerlukan kerjasama daripada orang awam untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai bandaraya terbersih di Malaysia dan Asia Tenggara," ujarnya.

## Status 'bandar raya', kongsi perasaan anda di Facebook MPSP

**SEBERANG JAYA -** Walaupun belum ada pengumuman rasmi mengenai Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) akan mendapat status 'bandar raya', namun, perkara itu pernah beberapa kali diuar-uarkan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin dan Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo dalam beberapa program rasmi kerajaan sebelum ini.

Justeru, Yang di-Pertua MPSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata, pentadbirannya mulai 21 Mac lalu membuka platform khusus di media sosial, Facebook MPSP, untuk seluruh warga Seberang Perai berkongsi pendapat serta harapan sekiranya MPSP mendapat status 'bandar raya' kelak.

"MPSP diuar-uarkan akan jadi 'bandar raya', belum umum secara rasmi lagi.

"Kerana telah diuar-uarkan, sebagai persediaan, MPSP mengambil langkah proaktif, kita siarkan dalam Facebook MPSP untuk penduduk Seberang Perai berkongsi harapan sekiranya MPSP mendapat status 'bandar raya'," jelasnya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Penuh Majlis dekat Kompleks Ibu Pejabat MPSP di sini pada 21 Mac 2019.

Setiausaha Perbandaran, Ir. Rosnani Mahmod serta barisan Ahli Majlis MPSP turut serta.

Rozali memberitahu, sehingga kini MPSP serta Kerajaan Negeri telah bersetuju dengan permohonan MPSP diberi status 'bandar raya', dan kini menunggu pengumuman rasmi daripada Kementerian sahaja.

## Meterai MoU dengan Persatuan Orang Pekak serlahkan inklusif MPSP

**SEBERANG JAYA -** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) akan terus menerapkan amalan inklusif dengan menyediakan jurubahasa isyarat dalam program-program di peringkat pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan.

Yang di-Pertuanya, Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata demikian selepas Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara MPSP dan Persatuan Orang Pekak Pulau Pinang (PDA) di sini.

"Memorandum tersebut telah disambung bagi tempoh satu tahun sehingga Disember 2019.

"Ia adalah bagi memastikan (golongan terpilih) dapat diakses secara menyeluruh kemudahan *'live streaming'* yang turut dilaksanakan dan pada masa sama melayari Facebook MPSP.

"MPSP sentiasa bekerja secara kolaborasi merentasi organisasi dan komuniti untuk menambah baik *'outcome'*, mendapatkan pulangan terbaik dan meningkatkan tahap kualiti perkhidmatan kepada seluruh penduduk Seberang Perai," jelasnya dalam sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Penuh Majlis pada 21 Mac 2019.

Hadir sama, Setiausaha Perbandaran, Ir. Rosnani Mahmod dan barisan Ahli Majlis MPSP lain.

# Tambak laut selatan pulau, nelayan sokong dengan harapan tersendiri

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**CADANGAN** projek tambakan laut bagi membentuk tiga pulau buatan di perairan selatan pulau dekat negeri ini menggamit reaksi positif terutamanya dalam kalangan nelayan yang terlibat.

Tinjauan Buletin Mutiara di sekitar kawasan Teluk Kumbar baru-baru ini mendapati bahawa rata-rata nelayan yang ditemui menyatakan sokongan dan harapan tersendiri, jika projek tersebut berjaya dilaksanakan kelak.



PEMANDANGAN sekitar kawasan nelayan Teluk Kumbar.



HADITH Saidik

Bagi **HADITH SAIDIK**, 51, sekiranya projek tambakan laut itu memberikan kesan positif kepada golongan nelayan di masa hadapan, beliau tidak mempunyai masalah untuk melahirkan sokongan kepada Kerajaan Negeri.

"Jika ia benar-benar memberikan kesan positif kepada golongan nelayan seperti kami, saya tiada masalah untuk menyokongnya, tetapi biarlah ia dilaksanakan dengan telus.

"Kalau nak kata tambak (laut) datangkan keburukan, tengok kawasan kilang (di Bayan Lepas) pun semua itu dahulunya adalah kawasan tambak, tetapi sekarang ia beri kesan ekonomi kepada Pulau Pinang dan penduduk, jadi baguslah jika pulau ini boleh berikan impak ekonomi serupa kepada kami.

"Contohnya, kami (nelayan) boleh buat perkhidmatan teksi air, itu sememangnya ada ditawarkan juga kepada kami sebagai salah satu sumber pendapatan, generasi akan datang juga boleh mencari peluang pekerjaan di sana.

"Tetapi, apa yang kami perlukan adalah 'hitam putih' seperti nilai sebenar pampasan dan sebagainya untuk kami teruskan kelangsungan hidup kami di sini, saya yakin jika permintaan ini dipenuhi, semua nelayan tiada masalah menyatakan sokongan mereka," katanya yang sudah bergelumang dengan ombak laut sejak usia belasan tahun lagi.

Pampasan setimpal yang dimaksudkan Hadith termasuk enjin bot berkuasa besar dan kapasiti bot bersesuaian berikutan jika projek tambakan tersebut berjaya dilaksanakan, jarak untuk keluar menangkap ikan akan lebih jauh.

Difahamkan, kerja-kerja tambakan laut membentuk tiga pulau buatan di selatan perairan Pulau Pinang adalah bagi memperoleh dana untuk membiayai Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP) di samping menyediakan pelbagai kemudahan kepada pihak nelayan.



IDRIS Ismail.

Manakala **IDRIS ISMAIL**, 64, tanpa berselindung terus menyuarakan sokongan apabila diajukan mengenai isu tersebut.

"Kalau tengok dulu, masa nak buat Jambatan Kedua dahulu pun, orang (nelayan) tak mahu, cakap kononnya kurang hasil, tetapi sekarang di kawasan itu jadi tempat tangkapan udang.

"Tambak pun bagus juga sekurang-kurangnya nelayan pukat apollo dengan pukat harimau tak boleh lagi datang ceroboh kawasan kami di pesisir pantai," ujarnya.

Tambah Idris, sekiranya rancangan tersebut menjadi kenyataan, apa yang diharapkan agar golongan nelayan mempunyai peluang melalui sektor perniagaan dan pemilikan rumah.



SUHAIMI Abas.

Menurut **SUHAIMI ABAS**, 48, yang sudah menjadi nelayan selama 18 tahun melihat tambakan laut memungkinkan generasi seterusnya iaitu anak beliau berpeluang menjadi nelayan moden.

"Sekarang ini saya pun lebih fokus kepada perniagaan ikan masin, hasil ini pula dijual melalui dalam talian di seluruh Malaysia.

"Dari segi peluang perumahan kos sederhana rendah, saya memang amat berharap sangat untuk berpeluang mendapat salah satu unit di sana," jelasnya.

Dalam pada itu, anak muda dari Teluk Kumbar, **MOHAMAD FADLI OTHMAN**, 31, memberitahu bahawa beliau amat menekankan isu milikan perumahan di sebalik projek tambakan pulau tersebut.



MOHAMAD Fadli Othman.

Responsnya, Kerajaan Negeri dan pihak berkepentingan perlu muncul dengan satu mekanisme meyakinkan golongan nelayan daripada segi pinjaman.

"Kalau tengok peluang itu memang seronok, tetapi daripada segi pembiayaan adalah agak sukar, sebab nelayan bukannya ada *pay slip* (slip gaji) macam orang biasa.

"Namun, jika Kerajaan (Negeri) sediakan skim pinjaman Kerajaan, itu cukup terbaik dan merupakan harapan kami semua.

"Satu lagi, kami minta sangat-sangat jasa baik Kerajaan Negeri untuk gazetkan Kampung Nelayan ini, kerana kami bimbang juga kalau dah ada pembangunan di sini, kampung kami juga akan terancam… lagi pun di pulau, rasanya di Teluk Kumbar inilah kampung nelayan paling besar," ulasnya yang mengusahakan tangkapan udang.

Maklum Fadli, generasi muda tidak menolak pembangunan di kawasan mereka bahkan mengalu-alukan cadangan tersebut, cuma apa yang dimohon aspek positif akan memihak kepada mereka yang mencari rezeki di laut semata-mata.



SHAMSUL Hashim.

Selain itu, aspek keselamatan turut diketengahkan oleh salah seorang nelayan iaitu **SHAMSUL HASHIM**, 41.

Menurut beliau, sekiranya tambakan dilaksanakan, semua nelayan perlu mendapat kelengkapan bersesuaian untuk turun ke laut.

"Sekarang ini, enjin kecil (40 kuasa kuda), sekiranya pulau siap, kami perlu keluar lebih jauh, tetapi dengan enjin dan sampan kecil (26 kaki, panjang) sedikit bahaya kepada kami untuk harungi perjalanan jauh.

"Tetapi, sekiranya pihak kerajaan boleh sediakan bot dan enjin baharu (115 kuasa kuda), ianya tiada masalah. Faham-faham saja di tengah laut cuaca boleh berubah, sekiranya enjin besar senang sikit jika terjadi apa-apa," ujarnya yang kini sedang membesarkan empat cahaya mata.

Dua sahabat baik yang bergiat dalam sektor tangkapan ikan sejak kecil, **NG YONG LOY**, 55, dan **ENG CHONG HING**, 72, menyokong penuh projek tambakan terbabit.

"Kami ini pun dah tua, tambak pun *'ok'* saja, janji bagi pampasan baik-baik kepada kami cukuplah, anak-anak pun kurang minat dah tangkap-tangkap ikan.

"Cuma minta kalau tambak nanti pembuangan selut itu buang jauh-jauh, takut air kotor ikan tidak mahu datang lagi," jelas Chong Hing.



NG Yong Loy (kiri sekali) dan Eng Chong Hing (tengah).

# *MakerSpace* mampu transformasi Balik Pulau sebagai hab pendidikan setempat

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **CHAN KOK KUAN**

**PULAU BETONG -** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) berharap projek perintis *MakerSpace* di Balik Pulau mampu mengubah sebuah pekan kecil di Parlimen berkenaan kepada hab pendidikan setempat.

Mengulas lanjut, Datuk Bandar bagi MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang berkata, *MakerSpace* iaitu kelas koding dengan memberi fokus kepada sains, teknologi, kejuruteraan, seni dan matematik (STEAM) diharap dapat menyumbang untuk melahirkan bakat-bakat baharu dalam bidang-bidang berkaitan.

"MBPP membelanjakan kira-kira RM20,000 bagi mengubahsuai bangunan milik Majlis sebagai memaksimumkan kegunaan orang ramai sambil memberi manfaat dalam bidang STEAM.

"Untuk itu, program di *MakerSpace* turut mendapat kerjasama Politeknik Balik Pulau dan *Penang Science Cluster* dalam memperkasakan projek tersebut," ucapnya pada Majlis Perasmian MakerSpace@Balik Pulau di sini 7 Mac lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Kota, Daniel Gooi Zi Sen; Ahli Majlis bagi MBPP, Nur Zarina Zakaria dan Pengarah Politeknik Balik Pulau, Abdul Hanif Mustapha.

Dalam menjayakan projek berkaitan, Tung Seang memberitahu bahawa sebanyak 52 sekolah di Daerah Barat Daya turut komited untuk menyertai kelas pengekodan yang bakal diadakan di situ.

"Di kawasan ini, ianya hanya sibuk pada waktu pagi dekat pasar, sebaliknya pada waktu petang dan malam, tiada aktiviti dijalankan. Justeru, dengan adanya *MakerSpace*, diharap aktiviti di sini akan lebih 'hidup'.

"Dengan menggabungkan sains, teknologi, kejuruteraan, matematik bersama-sama dengan seni, saya percaya *MakerSpace* mampu mencungkil bakat-bakat terpendam di kawasan ini" ujarnya.

Pada majlis tersebut, pelbagai aktiviti serta pameran berasaskan STEAM turut diadakan termasuk seminar kepada pelajar-pelajar sekolah.



**AR. Yew Tung Seang (empat dari kiri) memerhatikan kemahiran salah seorang pelajar dalam bidang koding bersempena Majlis Perasmian MakerSpace@Balik Pulau di sini baru-baru ini.**

## Tiga premis kotor diarah tutup



**PARA pegawai berkaitan sedang menjalankan pemeriksaan dalam Operasi Bersepadu antara MBPP dan KKM di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN –** Sebanyak tiga premis di sekitar Daerah Timur Laut (DTL) diarahkan tutup ekoran daripada pemeriksaan Operasi Bersepadu yang dijalankan di antara Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di sini 12 Mac lalu.

Tiga premis berkenaan adalah membabitkan dua buah di Komtar dan Persiaran Karpal Singh (1).

Menurut Inspektor Kesihatan Kanan Bahagian Pelesenan MBPP, Goh Eng Chun, premis makanan tersebut didapati beroperasi dalam keadaan kotor (menjumpai najis tikus) serta mendapat skor rendah di bawah 70.

"MBPP bersama-sama KKM lakukan dua operasi pada sebelah siang di Komtar, dan malam di sini (Persiaran Karpal Singh).

"Di bawah Seksyen 11 Akta Makanan 1983, KKM telah mengarahkan agar tiga premis ini ditutup selama 14 hari dan minimum tiga hari.

"Dalam masa tiga hari, sekiranya pemilik premis mendapati premis mereka sudah bersih, pemilik boleh panggil KKM untuk periksa dan dipertimbangkan untuk dibuka semula," ujarnya kepada pemberita sejurus tamat operasi berkenaan.

Hadir sama, Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran (Kanan) Pejabat Kesihatan DTL, S. Pathmanathan serta beberapa anggota Penguatkuasa MBPP dan KKM.

Selain daripada penutupan premis oleh KKM, tambah Eng Chun, MBPP turut mengeluarkan tiga kompaun membabitkan premis di Komtar dan Persiaran Karpal Singh (12).

Tambah beliau, di Komtar, jumlah kompaun yang dikenakan adalah bernilai RM250, manakala Persiaran Karpal Singh (RM1,770).

"Antara kesalahan dikenal pasti termasuk, tidak memperbaharui lesen perniagaan, tidak mendapatkan suntikan tifoid, meletakkan makanan di tempat tidak sepatutnya, kegagalan menyediakan perangkap minyak serta kotor," jelasnya.

Justeru, Eng Chun menasihatkan pengusaha-pengusaha premis makanan agar tidak mengabaikan aspek kebersihan premis.

"MBPP dan KKM akan teruskan lagi operasi secara rambang ini setiap minggu dalam memastikan premis makanan di kawasan pulau ini bersih dan selamat untuk dinikmati oleh orang ramai," katanya.

## Penjualan makanan dan minuman luar pagar sekolah, notis peringatan mula dikeluarkan



**WONG Yuee Harng.**

**GEORGE TOWN –** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) akan memulakan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap penjualan makanan serta minuman di dalam lingkungan 40 meter (m) dari pagar sekeliling sekolah.

Tindakan tersebut adalah selaras dengan keputusan Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Bil. 4 Tahun 2012 berkenaan Garis Panduan Penguatkuasaan Larangan Penjualan Makanan dan Minuman Di Luar Pagar Sekolah oleh pihak berkuasa tempatan (PBT).

Ahli Majlis MBPP, Wong Yuee Harng berkata, MBPP dimohon agar bertanggungjawab untuk memastikan setiap permohonan lesen penjaja perlu mematuhi peraturan digariskan.

"Secara dasarnya, penjualan makanan dan minuman di dalam lingkungan 40m dari pagar sekeliling sekolah adalah dilarang bagi semua penjaja statik, penjaja beredar dan penjaja sementara.

"Walau bagaimanapun, penjaja statik atau peniaga gerai sedia ada yang dibenarkan MBPP di dalam lingkungan 40m dari pagar sekolah dibenarkan menjual makanan dan minuman, tetapi perlu mematuhi senarai dibenarkan," ujarnya pada sidang media di sini 13 Mac lalu.

Antara makanan dan minuman yang dilarang dijual oleh penjaja berlesen ialah gula-gula, jeruk, makanan ringan, makanan mengandungi alkohol, minuman bergas serta minuman menggunakan bahan pewarna.

Hadir sama, Ahli-ahli Majlis yang juga Ahli Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam, Gerald Mak Mun Keong, Gooi Seong Kin, Aidi Akhbal Mohamed Zainon, Azahari Aris dan Rohaizad Hamid.

Oleh itu, Yuee Harng yang juga Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam menyatakan bahawa satu notis peringatan baru untuk mematuhi senarai makanan dan minuman yang dilarang dijual akan mula dikeluarkan kepada semua penjaja di luar pagar sekolah.

"Notis ini akan diserahkan kepada penjaja-penjaja sedia ada yang berlesen atau berlabel sahaja.

"Manakala, bagi yang gagal mematuhi arahan ini akan dikompaun sebanyak RM250," tegasnya.

# Jumlah penerima APC MPSP meningkat

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**SEBERANG JAYA –** Seramai 232 kakitangan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi tahun 2018.

Yang di-Pertuanya, Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata, APC 2018 menunjukkan peningkatan sebanyak 10.47 peratus berbanding tahun sebelumnya iaitu seramai 210 penerima.

Tambah beliau, daripada jumlah itu, seramai 199 penerima adalah terdiri daripada kakitangan lelaki, manakala wanita (33).

"Justeru, setinggi-tinggi syabas dan tahniah diucapkan kepada penerima-penerima APC kerana menunjukkan prestasi kerja yang mencapai tahap disasarkan oleh ketua-ketua jabatan dan pihak pengurusan.

"Saya berharap agar semua penerima anugerah ini terus komited dan meningkatkan prestasi kerja masing-masing demi menaikkan lagi imej serta kredibiliti MPSP," katanya semasa merasmikan majlis berkenaan di sini 19 Mac lalu.

Hadir sama, Ahli-Ahli Majlis bagi MPSP; Setiausaha Perbandaran, Ir. Rosnani Mahmod; ketua-ketua jabatan dan pengarah-pengarah kanan serta barisan pengerusi persatuan MPSP.

Dalam majlis sama, seramai enam kakitangan turut menerima sijil penghargaan kerana menunjukkan komitmen tinggi dan penuh dedikasi, jujur serta melampaui tugas yang ditetapkan.

Mengulas lanjut, Rozali menyatakan bahawa kakitangan merupakan aset penting yang sentiasa diberi perhatian oleh pihak pengurusan dalam memastikan MPSP terus menjadi pihak berkuasa tempatan (PBT) cemerlang.

"Walau bagaimanapun, kita (MPSP) juga amat menitikberatkan soal integriti serta disiplin kepada semua kakitangan tidak kira kumpulan pengurusan tertinggi atau sokongan.

"MPSP sememangnya komited dalam usaha membanteras rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan, tatatertib dan pecah amanah dalam kalangan kakitangan," tegasnya.

Difahamkan, setiap penerima APC 2018 menerima sijil, hadiah prestasi sebanyak RM1,000 satu peluang dan keutamaan memajukan kerjaya.

## Apa kata penerima?




ARMAN Mat Salleh.

**ARMAN MAT SALLEH,** Pembantu Tadbir dari Jabatan Perkhidmatan Kesihatan menyifatkan anugerah tersebut sebagai satu motivasi kepada beliau untuk bekerja dengan lebih gigih pada masa akan datang.

"Ini kali kedua saya menerima APC. Syukur atas rezeki yang Allah berikan, dan anugerah ini akan menjadi motivasi kepada saya untuk bekerja dengan lebih cemerlang demi memajukan Seberang Perai," katanya yang sudah bersama MPSP sejak 2012 kepada Buletin Mutiara.




FATIN Habsah Ahmad.

**FATIN HABSAH AHMAD**, Penolong Pegawai kesihatan Persekitaran dari Jabatan Kemasyarakatan memberitahu bahawa segala penat lelah beliau kini terbayar apabila terpilih sebagai salah seorang penerima APC buat kali pertama selepas empat tahun bekerja bersama MPSP.

"Menerima anugerah (APC 2018) membuatkan semangat saya untuk bekerja semakin meningkat selain rasa dihargai dan berbaloi dengan penat lelah selama ini," ujarnya.

BAGI Pembantu Awam dari Jabatan Perkhidmatan Perbandaran, **ROSLI SALEH**, disiplin dan kegigihan dalam melaksanakan kerja-kerja yang diamanahkan telah melayakkan beliau menerima APC 2018 selepas dianugerahkan sebagai pekerja contoh pada tahun sebelumnya.

"Pada mulanya, saya hanya dipilih sebagai pemandu ganti kenderaan untuk MPSP pada tahun 2015.

"Pada masa itu, saya diamanahkan untuk bekerja sebagai pemandu lori roro dekat depoh MPSP di Jalan Betek dan kini ditukarkan sebagai pemandu lori kompaktor (2017).

"Memandu lori kompaktor sebenarnya lebih mencabar berbanding lori roro kerana ia meliputi perumahan awam, kawasan perniagaan serta lorong belakang bangunan yang sempit.



ROSLI Saleh.

"Walau bagaimanapun, saya berasa sangat bangga dan teruja kerana dipilih menerima anugerah ini yang dinilai berdasarkan prestasi kerja dalam tempoh yang singkat," jelasnya.



NURRUL Shazwani Maulat Sabudin.

Bagi **NURRUL SHAZWANI MAULAT SABUDIN**, Pembantu Setiausaha Pejabat dari Jabatan Khidmat Pengurusan pula menzahirkan rasa gembira kerana dipilih sebagai salah seorang penerima APC bagi tahun 2018.

"Saya sudah berkhidmat dengan MPSP sejak 2014 sebagai pekerja sambilan dan diserap ke jawatan tetap pada tahun 2016.

"Alhamdulillah, syukur dan rasa gembira kerana menerima anugerah ini buat kali pertama, dan saya berharap agar kecemerlangan ini dapat diteruskan pada masa akan datang," ulasnya mesra.

## Polis Bantuan MPSP sama seperti anggota PDRM, mesti jaga imej kepolisan

**SEBERANG JAYA -** Polis Bantuan bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) yang memakai seragam mempunyai tanggungjawab tinggi untuk menjaga imej kepolisan, sebagaimana anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) lain.

Timbalan Ketua Polis Negeri, Datuk Roslee Chik berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis Pemakaian Pangkat Pegawai dan Anggota Polis Bantuan MPSP di perkarangan lobi Kompleks Ibu Pejabat MPSP dekat sini 15 Mac 2019.

"Imej kemas adalah budaya yang sangat dituntut kepada semua anggota polis bantuan, sama seperti anggota polis lain juga.

"Jaga disiplin, mesti mempunyai hemah yang tinggi, jauhi penyelewengan kuasa dan amalan rasuah agar imej polis senantiasa disegani oleh masyarakat," jelasnya pada majlis berkaitan.

Sebelum itu, Yang di-Pertua MPSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud merakamkan penghargaan kepada PDRM kerana menyokong usaha penjenamaan semula Pasukan Polis Bantuan MPSP di bawah Pelan Strategik MPSP 2018-2022.

"Usaha pada hari ini sekaligus meningkatkan imej dengan memperkemaskan penampilan anggota polis bantuan.

"Kenaikan pangkat adalah salah satu perancangan dalam memastikan kelancaran dan mutu kerja yang terbaik Pasukan Polis Bantuan," ujarnya.



**ROSLEE Chik (empat dari kiri) sambil diiringi Sr. Rozali Mohamud (dua dari kiri) beramah-mesra dengan anggota-anggota polis bantuan pada Majlis Pemakaian Pangkat Pegawai dan Anggota Polis Bantuan MPSP di sini baru-baru ini.**

Dalam Majlis Istiadat Pemakaian Pangkat Pegawai dan Anggota Polis Bantuan MPSP yang julung kali dilaksanakan pagi tadi adalah melibatkan 14 penerima.

Mereka, Amirul Ariff Abdul Rahman sebagai Penolong Penguasa Polis memakai pangkat Asisten Supritendan (ASP), diikuti Soleh Musa (Inspektor), Norlia Arifin (Sarjan Mejar), Nor Azira Hussain (Sarjan), Dzulkifli Sapar (Sarjan), Khairul Hafizon Mohd. Nor (Sarjan), Mohammad Zubir Harun (Sarjan), Abu Talib Zainal Abidin (Koperal), Hassan Hashim (Koperal), Ahmad Sukri Saad (Koperal), Mohd. Harfizy Mohd. Noor (Koperal), Abu Hassan Hashim (Lans Koperal), Asri Salim (Lans Koperal) dan Mohd. Sholihin Othman.

Difahamkan, Pasukan Polis Bantuan MPSP ditubuhkan pada 11 Julai 2001 dengan bilangan keanggotaan seramai 30 orang yang terdiri daripada seorang Inspektor, Sarjan (1), Koperal (2) dan Konstabel (26).

Penubuhan Pasukan Polis Bantuan MPSP antara lain bertujuan mengawal keselamatan di Mahkamah Majistret (Munisipal) MPSP, melaksanakan saman, sapina, waran, perintah memenjara dan proses-proses lain yang dikeluarkan dengan sah oleh mana-mana pihak berkuasa kompeten.

Ketua Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti Ibu Pejabat Polis Kontinjen Negeri, Datuk Mohamad Anil Shah Abdullah; Setiausaha Perbandaran, Ir. Rosnani Mahmod dan Ketua Polis Daerah Seberang Perai Tengah, Nik Ros Azhar Jik Abdul Hamid antara tetamu kehormat utama pada majlis istiadat tersebut.

# Lebuh Katz bakal berimej baharu

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **CHAN KOK KUAN**

**GEORGE TOWN** – Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) meluluskan peruntukan berjumlah RM41,000 bagi memberi imej baharu dan mengindahkan lorong belakang di Lebuh Katz dekat sini.



**KEADAAN lorong belakang dekat Lebuh Katz.**

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Kota, Daniel Gooi Zi Sen berkata, projek pengindahan itu melibatkan pemasangan lampu jalan diod pemancar cahaya atau LED dan menurap semula jalan di sepanjang 200 meter laluan berkaitan.

Beliau berkata, Lebuh Katz merupakan jalan yang agak sibuk terutama ketika waktu puncak dan menjadi laluan pintas untuk pejalan kaki.

"Sekiranya ia dinaik taraf dan diindahkan, saya percaya jalan yang menghubungkan ke Tapak Warisan Dunia UNESCO (George Town) ini dapat dijadikan tarikan baharu.

"Mungkin juga boleh digunakan untuk aktiviti kemasyarakatan penduduk setempat atau sebagai kawasan istirahat, atau sebagai tempat menganjurkan acara seperti karnival makanan," ujarnya sejurus mengadakan lawatan tapak ke lokasi berkaitan di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Ahli Majlis bagi MBPP, Wong Yuee Harng yang turut serta dalam lawatan tapak itu berkata, untuk menaik taraf atau mengindahkan sesuatu lorong belakang, ia perlu memenuhi dua kriteria.

"Pertama, laluan tersebut bersambung dengan dua jalan lain di hujungnya dan kedua ia boleh diakses oleh orang awam, sekiranya ia jalan mati, maka ia tidak memenuhi syarat," katanya.



**DANIEL Gooi Zi Sen (berbaju biru tua) dan Wong Yuee Harng (berkemeja biru muda) pada sidang media baru-baru ini.**

Baru-baru ini, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo memaklumkan bahawa di bawah Program Penempatan Semula George Town, MBPP merancang untuk menaik taraf secara berperingkat sembilan kilometer lorong belakang dan 10 ekar ruangan awam di sekitar kawasan Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town untuk tempoh lima tahun akan datang.

Malah beliau berharap agar inisiatif itu dapat mengubah persepsi negatif masyarakat daripada lorong belakang yang suram, kotor dan tidak selamat kepada tarikan baharu setempat.

## Naik taraf Unit Kecemasan Hospital Seberang Jaya, Exco seru pihak berkaitan selesaikan 'masalah kecil'

**SEBERANG JAYA** – Pesakit wanita di beberapa wad Hospital Seberang Jaya diraikan sempena sambutan Hari Wanita Sedunia baru-baru ini.



**DR. Afif Bahardin (dua dari kanan) menyantuni salah seorang pesakit Hospital Seberang Jaya sempena sambutan Hari Wanita Sedunia di sini baru-baru ini.**

Program anjuran Ahli Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) Kawasan Dewan Undangan (KADUN) Seberang Jaya itu turut dihadiri Ahli Dewan Undangan Negerinya (ADUN) yang juga Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin.

Afif berkata, penganjuran program berkenaan adalah sebagai tanda menghargai jasa dan sumbangan golongan wanita dalam pelbagai aspek kehidupan.

"Ini merupakan program pertama anjuran JPWK Seberang Jaya iaitu sempena Hari Wanita sebagai tanda penghargaan kepada golongan berkaitan.

"Selain menyantuni pesakit, kita juga mengedarkan sebanyak 150 paket *'door gift'* khusus untuk pesakit-pesakit wanita," ujarnya semasa ditemui Buletin Mutiara pada majlis berkaitan di sini 15 Mac lalu.

Hadir sama, Pengerusi JPWK Seberang Jaya, Khairulshapinas Mohd. Saad serta wakil kakitangan hospital.

Dalam perkembangan lain, Afif memberitahu bahawa kerja-kerja menaik taraf unit kecemasan hospital berkenaan telah siap sepenuhnya, namun masih terdapat beberapa masalah kecil yang perlu ditangani sebelum ia diserahkan kepada pihak Kementerian (Kesihatan).

"Justeru, saya menyeru pihak Jabatan Kesihatan Negeri (Pulau Pinang) dan kontraktor supaya menyelesaikan isu kesesakan di unit kecemasan secepat mungkin kerana projek menaik taraf ini sepatutnya siap pada Februari lagi," tegasnya.

## Selepas EOT 1, ADUN harap projek pembentungan siap ikut jadual

**BATU UBAN** – Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Uban, A. Kumaresan berharap agar pelaksanaan projek rangkaian paip pembentungan dekat kawasan Bukit Gambir, di sini dapat disiapkan dalam jangka masa ditetapkan.

Menurutnya, projek tersebut yang sepatutnya siap pada 8 Oktober tahun lepas kini mengalami kelewatan dipercayai berpunca daripada perubahan pada jajaran paip pembentungan.

Tambah beliau, kelewatan itu telah mengakibatkan berlakunya kesesakan lalu lintas yang luar biasa serta boleh mengancam keselamatan penduduk.

"Saya menerima aduan daripada penduduk setempat mengenai kesesakan lalu lintas sehingga mengancam keselamatan mereka.

"Justeru, saya berharap agar pihak kontraktor dipertanggungjawabkan dapat menyiapkan projek ini secepat mungkin demi keselamatan dan keselesaan penduduk," ujar Kumaresan pada sidang media baru-baru ini.

Difahamkan, projek melibatkan jajaran sepanjang 19 kilometer (km) iaitu jalan dari Bukit Gambir ke Bayan Lepas berkaitan telah diberi lanjutan masa pertama (EOT 1) selama 131 hari, bermula 9 Oktober tahun lepas sehingga 17 Februari 2019, dan dijangka siap sepenuhnya pada Jun 2020.

Mengulas lanjut, Kumaresan memberitahu bahawa satu sesi dialog akan diadakan bersama-sama penduduk setempat bagi menjelaskan perkara-perkara berkaitan projek berkenaan.



**A. Kumaresan (tiga dari kiri) bersama-sama wakil-wakil serta para penduduk terlibat mengadakan lawatan tapak di sini baru-baru ini.**

# Dua taman awam dinaik taraf


ONG Ah Teong.


SUASANA di Taman Hikmat kini.

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**BATU LANCANG -** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bakal menaik taraf Taman Hikmat dan Taman Hijau dekat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Batu Lancang.

Kerja-kerja penarafan di Taman Hikmat, menurut Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Lancang, Ong Ah Teong, adalah selepas pihaknya menerima rungutan penduduk setempat mengenai kemudahan awam yang tidak mencukupi.

"MBPP akan membantu dengan memasang lampu sorot bulan depan," jelasnya kepada pemberita di sini 20 Mac 2019.

Turut serta, Pegawai Seranta Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Batu Lancang, Teng Wei Loon dan Ahli Majlis bagi MBPP, Nicholas Theng Jie Wey.

Ketika menjadi Ahli Majlis MBPP pada tahun 2015, Ah Teong memberitahu bahawa Taman Hikmat dengan keluasan 4,381 kaki persegi mempunyai kira-kira 70 pokok *Tecoma* yang mengindahkan kawasan rekreasi awam tersebut.

Namun, menurut beliau, terdapat pokok-pokok di sini yang telah rosak kerana tiada penjagaan rapi.

"Saya telah menghubungi Jabatan Landskap MBPP dan mereka kini menjaga pokok tersebut.

"Saya berharap dalam dua dan tiga tahun akan datang, pokok-pokok *Tecoma* boleh mekar dengan indah semula supaya orang di sini dapat menikmati keindahannya," ujarnya.

Dalam pada itu, Ah Teong menyatakan bahawa MBPP turut akan melaksanakan kerja-kerja penarafan di padang bola sepak susulan menerima rungutan penduduk mengenai keadaan padang yang tidak rata dan keras.

"Kerja-kerja menanam semula rumput sedang dilaksanakan di sini. Malah, kerja-kerja penarafan bermula pada 25 Januari dan dijangka siap pada Jun ini.

"Penanaman rumput kini sedang berjalan. Jumlah kos untuk menaik taraf padang bola sepak adalah dianggarkan sebanyak RM17,000," katanya.

## Ibu tunggal penjual kuih ditawarkan gerai MPSP


MARYAM Ayob.


MENANDATANGANI surat tawaran gerai oleh MPSP.

**SEBERANG JAYA –** Ibu tunggal yang acapkali dilihat menjual makanan di celah-cecah kesesakan trafik dekat jalan utama Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Permatang Pauh mendapat perhatian daripada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Maryam Ayob, 62, ditawarkan sebuah gerai makanan di astaka MPSP berhadapan Politeknik Seberang Perai Tengah (SPT).

"Sudah tiga kali, saya ingin menawarkan sebuah gerai kepada Puan Maryam, tapi ditolak.

"Pada petang ini, oleh kerana Puan Maryam tidak berniaga di jalan ini, kita bercadang untuk terus ke rumahnya bagi menyerahkan surat tawaran sebuah gerai niaga.

"Berniaga di atas jalan adalah salah, berbahaya untuk diri Puan Maryam, juga pengguna jalan raya yang lain, maka kita tawarkan kepada beliau gerai," kata Ahli Majlis MPSP, Shuhada Abdul Rahim pada sidang media khas di perkarangan depan UiTM Kampus Permatang Pauh dekat sini 15 Mac 2019.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin yang juga Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan serta beberapa pegawai MPSP turut serta.

Rombongan MPSP kemudiannya disambut baik oleh Puan Maryam dekat rumahnya di Kampung Permatang Janggus.

Puan Maryam merakamkan penghargaan atas inisiatif MPSP menawarkan sebuah gerai niaga.

Beliau memberitahu bahawa dirinya baru kematian suami pada tahun lepas, dan kini bertanggungjawab menyara seorang anak orang kurang upaya (OKU).

"Kami susah, duit jual kuih ini adalah untuk menyara saya dan anak," jelasnya.

## Politeknik berjaya lahir setengah juta tenaga kerja sejak ditubuhkan - Muhammad Amin

**PULAU BETONG –** Kira-kira setengah juta graduan dan tenaga kerja berjaya dilahirkan sejak penubuhan institusi pendidikan, politeknik di negara ini sejak 50 tahun lalu.

Perkara tersebut dinyatakan Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Muhammad Amin Hamat pada Program Sambutan Jubli Emas Politeknik Malaysia dekat Politeknik Balik Pulau di sini pada 16 Mac lalu.

Menurutnya, jumlah tersebut dilihat memberi kesan positif kepada sistem pendidikan teknik, sumber manusia serta sektor pekerjaan khususnya dalam bidang kejuruteraan dan perkhidmatan.

"Dari segi peluang pekerjaan, selepas menamatkan pengajian, politeknik berjaya mencapai sasaran 97 peratus mendapat kerja dalam tempoh singkat.

"Ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa graduan politeknik adalah sangat 'laris' serta memenuhi kehendak industri dalam negara termasuk juga luar negara," ujarnya pada majlis berkaitan.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail dan Pengarah Politeknik Balik Pulau, Abdul Hanif Mustapha.

Pelabagai acara menarik diadakan sepanjang tiga hari program berlangsung, antaranya acara sukan, tarian, jualan keusahawanan, kugiran dan lain-lain.

Difahamkan, terdapat 36 politeknik berjaya diwujudkan sejak tahun 1969 dengan Politeknik Ungku Omar, Perak menjadi yang pertama ditubuhkan di negara ini.

## Bakat Si Cilik - Mewarna 1/2019

PENANG 2030



Sila isi butiran berikut:

Nama : ______________________

No. My Kid/ Kad Pengenalan: ______________________

Alamat: ______________________

______________________

Nama Ibu/ Bapa/ Penjaga: ______________________

No. Telefon : (Rumah) ____________ (Bimbit) : ____________

Emel: ______________________

Terma & Syarat Peraduan:

1. Mewarna : Peraduan dibuka dari 1 Februari 2019 hingga 31 Mei 2019.
2. Terbuka kepada kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke bawah.
3. Hanya borang penyertaan sah boleh digunakan.
4. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan.
5. Hasil lukisan akan menjadi hak penganjur.
6. Keputusan pengadil adalah muktamad.
7. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
8. Sebarang pertanyaan, sila hubungi 04-650 5704 / 650 5375 / 650 5256.
9. Alamatkan semua borang penyertaan kepada:
   Buletin Mutiara, Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna,
   Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

**Hadiah:**

**Pertama: RM250**
**Kedua: RM150**
**Ketiga: RM100**